


PENDIDIKAN ISLAM

ASASI TVET POLITEKNIK

Ainul Farhaan binti Harun
Norhafizah binti Mohd Ghazali
Norzira binti Ahmad
Azirah binti Seman
Kamsani bin Md Saad
Sharihan bin Shahidan
Razak bin Nordin
Mohd Farid Hafidz bin Ahmad





PENDIDIKAN ISLAM ASASI TVET

Ainul Farhaan binti Harun
Norhafizah binti Mohd Ghazali

Norzira binti Ahmad
Azirah binti Seman
Kamsani bin Md Saad
Sharihan bin Shahidan
Razak bin Nordin
Mohd Farid Hafidz bin Ahmad

Penasihat

Suhaila binti Mustaffa

Penulis

Kamsani bin Md Saad
Sharihan bin Shahidan
Razak bin Nordin
Mohd Farid Hafidz bin Ahmad
Ainul Farhaan binti Harun
Norzira binti Ahmad
Norhafizah binti Mohd Ghazali
Azirah binti Seman

Editor dan Semakan Bahasa

Ainul Farhaan binti Harun
Norhafizah binti Mohd Ghazali

Konsep dan Rekabentuk

Ainul Farhaan binti Harun

Terbitan 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada secara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis dari pihak Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)
Pauh Putra, 02600 Arau, Perlis
No. Tel : 04-988 6200
No. Fax : 04-988 6300
www.ptss.edu.my



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-629-7514-46-8

Prakata

Pendidikan Islam FU20032 adalah kursus yang mengupas tentang topik-topik berkaitan konsep asas Islam, konsep ibadah, perkahwinan dalam Islam dan cabaran-cabaran semasa Islam di Malaysia.

eBook ini bertujuan memberi gambaran yang jelas tentang kaitan Islam dalam dunia realiti dan pelaksanaannya dalam kehidupan seharian para pelajar.

eBook yang dilengkapi dengan elemen infografik, videografik dan juga soalan pengukuhan ini adalah bertujuan memudahkan para pelajar untuk menguasai topik-topik yang terkandung dalam kursus ini. Latihan pengukuhan berbentuk interaktif turut dilampirkan dalam eBook ini agar selari dengan kecenderungan pelajar generasi z masa kini.

Diharapkan penghasilan buku ini dapat menarik minat sekaligus membantu para pelajar memahami konsep Islam dan melaksanakannya dalam kehidupan seharian.





Isi Kandungan

Bab 1: Konsep Asas Islam

Pengenalan bab 1	1
Islam sebagai cara hidup	2
Konsep asas Islam	3
Kepentingan dan faedah memahami tasawur Islam	4
Ciri kesempurnaan Islam	5
Konsep akidah	6
Rukun Islam	7-19
Rukun iman	20-29

Bab 2: Konsep Ibadah

Pengenalan bab 2	30
Konsep kebersihan menurut Islam	31
Dalil kebersihan dan bersuci	32
Tanggungjawab menjaga kebersihan	33-35
Hikmah disyariatkan bersuci	36
Isu-isu berkaitan kebersihan	37
Wuduk	38-40
Mandi	41-42
Tayamum	43
Solat jamak dan qasar	44-49
Kesalahan dalam solat	50
Konsep fardu kifayah	51
Bidang fardu kifayah	52

Bab 3: Perkahwinan Dalam Islam

Pengenalan bab 3	53
Konsep perkahwinan: Nikah	54
Pinangan @ Khitbah	54-55
Rukun nikah dan wali	56-57
Wanita yang haram dikahwini	58
Mahar atau mas kahwin	58-59
Talak	60-65
Talak taklik	65
Fasakh	65-67
Khuluk	68-70

Li'an: Membela maruah suami isteri	71-73
Zihar	74-76
Nusyuz	71-80
Iddah: Penantian bagi wanita	81-85
Rujuk	86-87

Bab 4: Islam dan Cabaran Semasa di Malaysia

Pengenalan bab 4	88
Gejala keruntuhan akhlak dan moral	89-90
Isu salah faham terhadap Islam	91-96
i. Sekularisme	91
ii. Pluralisme	92
iii. Liberalisme	93
iv. Ajaran sesat	94-95
v. Radikalisme dan ekstremisme	96
Rujukan	97-98




BAB 1

KONSEP ASAS ISLAM

Oleh:

Kamsani bin Md Saad
Norhafizah binti Mohd Ghazali

- ➔ Topik ini mengupas tentang Islam dengan terperinci dan padat. Selain itu, ciri-ciri kesempurnaan Islam turut ditekankan dalam bab ini.
- ➔ Para pelajar juga akan diterapkan dengan kefahaman yang jelas tentang konsep berkaitan syahadah, termasuklah perkara-perkara yang boleh membatalkan syahadah.
- ➔ Rukun Islam seperti solat, puasa, zakat dan haji turut terkandung dalam bab ini. Ia sekaligus memberi gambaran yang tepat kepada pelajar tentang asas menjadi seorang muslim.



Islam Sebagai Cara Hidup (ad-din)

- ➔ Ad-din merangkumi seluruh aspek kehidupan mengandungi akidah, amalan serta hukum berhubung dengan rohani dan jasmani.
- ➔ Ia juga merangkumi kehidupan individu, masyarakat, agama dan politik serta segala urusan hidup dunia dan akhirat.
- ➔ Islam merupakan sebuah perundangan yang lengkap bagi mengatur kehidupan manusia serta menjadi dasar akhlak yang dibawa oleh Rasulullah SAW dari Allah SWT.
- ➔ Perundangan dan tatacara hidup Islam bertujuan membentuk akhlak yang mulia dan adab dalam kehidupan sehari-hari.
- ➔ Agama Islam amat menekankan akhlak yang mulia dengan manusia dan rasa kehambaan yang sejati sebagai hamba Allah.


Konsep Asas Islam

Maksud Islam

- Berasal dari perkataan Bahasa Arab iaitu salima bermaksud selamat. Aslama bermaksud penyerahan diri dan kepatuhan.
- Islam ialah ‘din’ atau cara hidup yang menuntut kepatuhan dan penyerahan diri yang tidak berbelah bahagi kepada Allah dan ia memberikan rasa selamat dan ketenangan kepada sesiapa yang berada di dalamnya.

Tasawur Islam

- Perkataan tasawur berasal dari kata kerja Bahasa Arab ‘sawwara’ yang bermaksud gambaran dan rupa bentuk.
- Gambaran atau rupa bentuk Islam yang sebenar dan hakiki (Haron Din, 1992).
- Gambaran sahih tentang Islam didapati dari sumber al-Quran dan al-Hadis.
- Islam sebagai cara hidup meliputi akidah, syariah, ibadah dan akhlak.



Kepentingan Dan Faedah Memahami Konsep Tasawur Islam



1

Beramal dengan Islam yang betul

Ia merangkumi cara hidup, ibadah, pegangan dan pemikiran yang mengikut roh dan garis panduan Islam.

Berperanan menjadi muslim yang memberi imej baik tentang Islam kepada masyarakat setempat.

2

Menangani masalah mengikut perspektif Islam

Setiap keputusan yang dilakukan akan berlandaskan Islam dan setiap keputusan diputuskan berdasarkan musyawarah dan istikhara.

3

Meletakkan Islam pada kedudukan yang betul setiap masa

Islam tidak hanya digunakan pada masa dan situasi tertentu sahaja, tetapi sentiasa meletakkan Islam di kedudukan tertinggi agar sentiasa dikagumi dan dihormati.

4

Mengelak konflik dan pandangan negatif

Pandangan negatif terhadap Islam dapat diatasi dengan bijak dan berhemah. Selain itu, ancaman terhadap akidah dan pemikiran Islam tidak mudah mempengaruhi diri.



CIRI - CIRI

Kesempurnaan Islam



Rabbaniyah (Ketuhanan)

Hukum dan peraturan syariah Islam dari Allah dan bukan ciptaan manusia.



Alamiyyah (Sejagat)

Islam adalah agama yang universal dan sejagat. Ia sesuai untuk semua umat manusia. Ajaran Islam tidak terikat dengan masa, tempat dan ruang.



Syumuliyah (Kesempurnaan)

Islam agama sempurna dan bersifat menyeluruh mencakupi semua urusan hidup merangkumi akidah, ibadah, muamalat dan akhlak.



Tawazun (Seimbang)

Seimbang dari segala aspek jasmani, rohani dan emosi serta keseimbangan kehidupan dunia dan akhirat.



Waq'iyyah (Realiti)

Islam agama yang praktikal dan sesuai dengan cara hidup manusia. Masalah yang timbul akan diselesaikan mengikut kaedah Islam.



Thabat dan Murunah (Tetap dan Fleksibel)

Thabat bermaksud tetap dan tidak berubah. Murunah bermaksud anjal. Agama Islam merupakan agama yang mudah untuk diamalkan dan tidak akan membebankan umatnya.

Konsep Akidah



Sudut bahasa: Simpulan atau pegangan yang kuat atau satu ikat janji.



Sudut istilah: Kepercayaan dan keyakinan bersungguh-sungguh kepada kewujudan dan keesaan Allah SWT. Beriman kepada kewujudan malaikat, beriman kepada rasul dan nabi, beriman kepada kitab-kitab yang diturunkan kepada rasul-rasul, beriman kepada hari kiamat serta beriman kepada qada' dan qadar.



Kepercayaan yang kuat dan jitu kepada perkara-perkara tersebut akan membentuk rukun iman dalam diri setiap Muslim.




Akidah merupakan ilmu menyelidik dan membicarakan kepercayaan seseorang berkaitan ketuhanan, kerasulan dan perkara-perkara sam'iyyat.



Akidah menjadi tunjang pegangan dan kepercayaan seseorang individu. Sebagai seorang muslim, kita perlu sentiasa yakin dengan akidah Islam dan tidak membiarkan anasir sesat mempengaruhi kepercayaan dan pegangan hidup.



Keimanan kita terhadap rukun iman bukanlah bergantung kepada hafalan semata-mata malah perlu disertai dengan tindakan dan perbuatan yang selari dengan rukun iman.



Rukun Islam


» "Islam dibangun di atas lima perkara: Persaksian bahawa tiada tuhan yang berhak disembah kecuali Allah dan Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, pergi haji dan puasa di bulan Ramadan." (Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

1 Mengucap dua kalimah syahadah

Syahadah menurut Kamus Dewan bermaksud kesaksian, pengakuan. Kalimah syahadah bermaksud kalimah pengakuan bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh-Nya.

01 Syahadah kepada Allah

Mentauhidkan Allah dengan tauhid rububiyyah, tauhid uluhiiyyah, tauhid al-asma', al-sifat wa al-a'f'al serta tidak menghadapkan sembahannya kepada sesuatu yang lain selain Allah SWT.



02 Syahadah kepada Rasul

Ikrar dan tasdiq dengan segala syariat yang dibawa oleh Rasulullah dan segala pemberitahuan mengenai perkara ghaib semuanya datang dari Allah serta menerima semua akhlak dan sifat kerasulan.



Tuntutan Syahadah

- Dibuktikan dengan menunaikan rukun Islam iaitu solat lima waktu, zakat, puasa dan haji.
- Menurut segala perintah Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Fardu Syahadah

- Diikrarkan dengan lidah: Mengucapkan penyaksian itu sama ada dalam Bahasa Arab atau bahasa sendiri.
- Ditasdiqkan dengan hati: Terserah kepada hati masing-masing dan Allah sahaja yang mengetahuinya.


Syarat Sah Syahadah

- Diketahui.
- Diikrarkan dengan lidah.
- Ditasdiqkan dengan hati.
- Diamalkan dengan anggota.


Perkara-perkara Membatalkan Syahadah

- Mengingkari rububiyyah Allah.
- Mengingkari uluhiiyyah Allah.
- Mengingkari nama dan sifat Allah.
- Mengingkari kerasulan para rasul.





Syahadah Kepada Allah



- Syahadah kepada Allah bermaksud mentauhidkan Allah dengan tauhid Rububiyyah, tauhid Uluhiyyah dan tauhid al-Asma' Wa Sifah wa Af'al.
- Tauhid juga bererti tidak menghadapkan sembahana kepada sesuatu yang selain dari Allah SWT. Kebergantungan kepada makhluk dalam menentukan baik buruk sesuatu perkara menyebabkan seseorang itu tergelincir dari mentauhidkan Allah.
- Perbuatan tersebut dibimbangi menyebabkan seseorang itu terjerumus dalam perbuatan syirik. Perkara ini perlu dielakkan kerana syirik tergolong dalam perbuatan dosa-dosa besar.
- Kalimah '**Lailaha Illallah**' mengandungi dua rukun yang penting iaitu penafian dan penegasan.
- Kita perlu tahu isi kandungan dan makna lafaz syahadah agar menjadi muslim yang baik dan bertakwa.

Apa yang dimaksudkan dengan perkara-perkara


Samiyyat

“

Perkara-perkara ghaib yang dikisahkan dan diceritakan dalam al-Quran dan hadis.

Antaranya adalah kisah tentang dosa, pahala, syurga, neraka, padang mahsyar, titian sirat dan al-mizan.

Konsep



Dua Kalimah Syahadah


Syahadah adalah dari perkataan Bahasa Arab yang membawa maksud pengetahuan, penyaksian, perkhabaran dan pegangan.

Syahadah merupakan satu kesaksian atau **ikrar berlandaskan apa yang diketahui**. Kesaksian ini boleh dilakukan sama ada bentuk lisan atau perbuatan.

Lafaz syahadah dalam akidah Islam terbahagi kepada syahadah kepada Allah dan kepada Rasulullah SAW. Ia merujuk kepada lafaz 'Asyhaduan la ilaha illallah waasyhadu anna Muhammadar rasulullah' yang bermaksud "Aku bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah, dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad itu adalah pesuruh Allah".



Pembahagian Tauhid



Rububiyyah

Pengakuan Allah sebagai tuhan pencipta alam.
Dialah yang mencipta dan mentadbir alam ini.

Uluhiyyah


Pengakuan dan kepatuhan hanya Allah yang layak disembah dengan sebenar-benarnya. Pengabdian hanya untuk Allah.

Asma' wa al-sifat

Mengakui dan beriman dengan nama-nama dan sifat Allah SWT. Serta mensucikan Allah dari segala sifat kekurangan.



Syahadah Kepada Rasul



Tasdiq (membenarkan) segala syariat yang dibawa oleh para Nabi dan Rasul dan pemberitahuan mengenai perkara ghaib (yang datang dari Allah).

Menerima semua akhlak dan sifat yang berkaitan dengan kerasulan Nabi iaitu **siddiq, amanah, tabligh, fatanah**.

Syahadah merupakan teras Islam kedua, yang menuntut semua manusia untuk **mengetahui, membenar dan meyakini** dengan sepenuh hati.

Setiap individu beragama Islam perlu yakin dan membenarkan dengan sesungguhnya bahawa para rasul adalah utusan Allah.





2 Solat lima waktu

Pengertian Solat

Solat menurut bahasa ertiannya doa. Dari segi istilah syarak, solat adalah perkataan-perkataan dan perbuatan-perbuatan yang bermula dengan takbir dan berakhir dengan salam berserta niat dan syarat-syarat yang tertentu.



Syarat Wajib Solat

Syarat wajib solat adalah muslim (tidak wajib bagi yang bukan muslim), baligh atau sudah cukup umur. Selain itu, syarat wajib solat adalah berakal (tidak diwajibkan untuk orang yang gila) dan suci dari haid dan juga nifas.



Syarat Sah Solat

Seseorang yang ingin solat perlu yakin bahawa telah masuk waktu solat. Selain itu, memakai pakaian yang menutup aurat. Pakaian dan tempat solat juga perlu suci dari najis. Selain itu perlu dipastikan bahawa tubuh badan suci dari hadas besar dan hadas kecil.

Perkara Sunat semasa Solat

Sunat Hai'ah: Jika ditinggalkan tidak menjadi apa-apa.

Sunat Ab'adh: Jika ditinggalkan maka disunatkan sujud sahwai.




Perkara Makruh semasa Solat

- Berpaling sama ada kiri atau kanan atau mendongak.
- Menyinsingkan kain atau baju.
- Bersembahyang ketika berasa hendak qada' hajat.
- Berlebih-lebihan membongkok dan menundukkan kepala ketika rukuk.
- Bersembahyang ketika hadir makanan (makanan dihidangkan).



Perkara Membatalkan Solat



Rukun-rukun Solat

- 1** Niat
- 2** Berdiri bagi yang mampu.
- 3** Membaca takbiratul ihram.
- 4** Membaca surah Al-Fatihah.
- 5** Rukuk dengan tama'ninah (tama'ninah: tenang dan tertib, tidak terburu-buru).
- 6** Iktidal dengan tama'ninah.

- 7** Sujud dua kali, dengan tama'ninah.
- 8** Duduk di antara dua sujud, dengan tama'ninah.
- 9** Duduk tasyahhud akhir.
- 10** Tasyahhud akhir dengan membaca bacaan Tasyahhud.
- 11** Selawat kepada Nabi Muhammad SAW dalam tasyahhud akhir.
- 12** Membaca salam yang pertama.
- 13** Tertib.

3

Puasa di bulan Ramadan



Pengertian Puasa

Puasa ialah menahan diri daripada perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar hingga terbenam matahari dengan niat puasa kerana Allah Taala.



Puasa wajib

1. Puasa Ramadan
2. Puasa Qada'
3. Puasa Nazar
4. Puasa Kifarat



Puasa Sunat

- Puasa enam (Syawal)
- Puasa 1 hingga 8 Zulhijjah
- Puasa 9 Zulhijjah (Arafah)
- Puasa pada 9 Muharam
- Puasa 10 Muharam (Asyura)
- Puasa pada bulan Rejab
- Puasa bulan Sya'ban (kecuali hari syak)
- Puasa Nisfu Sya'ban
- Puasa Isnin & Khamis
- Puasa 13, 14 dan 15 Qamariah (Hari Putih)
- Puasa berselang hari



Perkara Penting Berkaitan Puasa

1

SYARAT WAJIB PUASA

- Islam.
- Baligh.
- Berakal.
- Sihat (tidak sakit atau uzur).
- Bermukim (menetap iaitu tidak bermusafir).
- Suci dari haid dan nifas.



2

SYARAT SAH PUASA

- Islam.
- Berakal dan mumaiyyiz.
- Suci dari haid dan nifas.
- Berpuasa pada waktunya.



3

PERKARA MAKRUH SEMASA PUASA

- Berkumur-kumur.
- Memasukkan air ke dalam hidung secara berlebihan.
- Bercakap kotor dan sia-sia.
- Mencium bau-bauan.
- Merasa makanan dengan lidah.
- Mandi yang berlebihan.
- Berbekam (Jika ia melemahkan badan).

4

PERKARA BOLEH DILAKUKAN SEMASA PUASA

- Menyelam dalam air asalkan tidak menelan air.
- Menitiskan ubat ke dalam mata.
- Suntikan (injection).
- Memasuki subuh dalam keadaan berjunnub.
- Melambatkan mandi sehingga subuh bagi perempuan yang sudah berhenti haid/ nifas pada malamnya.



5

PERKARA SUNAT SEMASA BERPUASA

- Segera berbuka apabila masuk waktu.
- Melambatkan sahur.
- Menjauhi perkara sia-sia.
- Solat tarawih di malamnya.
- Berzikir selepas solat witir.
- Tadarus al-Quran.
- Iktikaf di masjid.
- Banyakkan sedekah.
- Baca doa ketika berbuka.



Perkara Membatalkan Puasa



Berniat buka puasa.



Makan dan minum dengan sengaja di siang hari.



Memasukkan sesuatu ke dalam rongga hidung, mulut dan telinga dengan sengaja.



Muntah dengan sengaja.



Bersetubuh di siang hari.



Keluar haid atau nifas.



Keluar mani dengan sengaja.



Wiladah (bersalin atau melahirkan anak).



Hilang akal (gila atau mabuk) pada siang hari puasa.



Murtad.



Keharusan Berbuka Puasa Bagi Musafir

Orang yang sedang bermusafir diberi kelonggaran dan keringanan untuk berbuka puasa (digantikan pada hari yang lain) selari dengan firman Allah yang bermaksud:



'Maka sesiapa antara kamu yang sakit atau dalam musafir, (bolehlah ia berbuka), kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain'

- Surah al-Baqarah 2: 185)



Dalil Hadis



Hadir Aisyah, Hamzah bin Amr al-Aslami bertanya kepada Rasulullah SAW yang bermaksud: "Adakah (wajib) aku berpuasa ketika musafir?" Sedangkan dia seorang yang banyak berpuasa. Maka sabda Rasulullah SAW: "Jika engkau mahu engkau boleh berpuasa, jika engkau mahu engkau boleh berbuka." (Riwayat al-Bukhari - 1943)

Jika berpuasa itu menyukarkan bagi orang yang bermusafir, maka afdal baginya berbuka. Itu berdasarkan hadis daripada Jabir RA, dia berkata Rasulullah SAW bertemu seseorang di bawah teduh pohon, dalam riwayat lain, dia sedang disirami air ke atasnya, lalu Baginda bertanya orang ramai maksudnya: "Kenapa dengan (sahabat kamu) ini?" Sahabat menjawab: "Dia berpuasa wahai Rasulullah." Baginda bersabda: "Bukan daripada kebaikan, berpuasa ketika musafir." (Riwayat al-Bukhari - 1946)



4

Mengeluarkan Zakat

Pengertian zakat



Mengeluarkan kadar harta tertentu kepada orang tertentu dengan syarat tertentu setelah mencukupi nisabnya dan sampai masanya (cukup haul) satu tahun.

Hukum Zakat



Hukum mengeluarkan zakat ialah fardu ain ke atas setiap orang Islam yang telah cukup syarat-syaratnya.

Hukum Zakat



1. Zakat badaniah iaitu zakat tubuh badan atau zakat fitrah.
2. Zakat maliyah iaitu zakat harta benda seperti emas dan perak, tanaman dan buah-buahan, harta perniagaan dan haiwan ternakan.

Zakat Fitrah



Zakat fitrah ialah zakat badan diwajibkan sempena berakhirnya Ramadan mengikut syarat tertentu. Wajib ke atas setiap orang dengan syarat berikut:

- Islam
- Merdeka
- Mempunyai harta lebih daripada keperluan diri dan tanggungannya pada Hari Raya Aidilfitri dan malamnya.
- Hidup pada hari akhir Ramadan setelah terbenam matahari.



Penerima zakat

- Fakir
- Miskin
- Amil
- Mualaf
- Hamba
- Orang yang berhutang
- Jihad di jalan Allah (Fi sabillah)
- Musafir



Waktu Bayar Zakat Fitrah

- Awal hingga akhir Ramadan (waktu dibolehkan).
- Selepas terbenam matahari akhir Ramadan (waktu wajib).
- Selepas solat subuh hari akhir Ramadan (waktu afdal).
- Selepas solat Aidilfitri hingga tiba Maghrib (waktu makruh).
- Selepas terbenam matahari pada Aidilfitri (waktu haram).



5

Mengerjakan Haji



Haji dari segi syarak bermaksud mengunjungi Baitullah di Mekah untuk melakukan beberapa ibadah pada bulan haji dengan rukun dan syarat tertentu.

Syarat Wajib Haji


1. Islam
2. Berakal
3. Baligh
4. Merdeka
5. Berkusa



Maksud Berkusa



- Mampu sedia perbelanjaan untuk diri dan nafkah keluarga yang ditinggalkan.
- Punya kendaraan pergi balik sama ada sewa atau beli.
- Aman perjalanan dari penyakit, bencana atau perang.
- Sihat tubuh badan.
- Ada kelapangan masa.
- Jika perempuan, mestilah bersama mahramnya.



Rukun Haji



1. Berniat ihram haji.
2. Wukuf di Arafah.
3. Tawaf keliling Kaabah.
4. Sa'i dari Bukit Safa ke Bukit Marwah.
5. Bercukur sekurangnya 3 helai rambut.
6. Tertib bagi kebanyakan rukun.





Perkara Wajib Haji

- Ihram di Miqat.
- Bermalam di Muzdalifah.
- Melontar Jamratul Aqabah di Mina.
- Bermalam di Mina pada malam hari Tasyrik.
- Melontar ketiga-tiga jamrah iaitu Jamratul Ula, Wusta dan Aqabah.
- Jauhi diri daripada perkara dilarang semasa berihram.



Larangan Semasa Ihram

- ✗ Memakai pakaian berjahit bagi lelaki.
- ✗ Menutup kepala bagi lelaki.
- ✗ Menutup muka bagi wanita.
- ✗ Memakai sarung tangan bagi lelaki dan wanita.
- ✗ Memakai wangian.
- ✗ Memakai minyak di rambut atau janggut dan semua bulu di muka.
- ✗ Menanggalkan rambut atau bulu di mana-mana bahagian badan.
- ✗ Memotong kuku.
- ✗ Memotong atau menebang atau mengerat pokok di tanah haram.
- ✗ Memburu atau membunuh binatang yang halal di makan di tanah haram.
- ✗ Melakukan pendahuluan persetubuhan.
- ✗ Bersetubuh (berjimak).
- ✗ Berkahwin, mengahwinkan atau menerima wakil kahwin.



Perkara Sunat Haji

- Mandi sebelum memakai ihram.
- Solat sunat 2 rakaat sebelum memakai ihram.
- Membaca talbiah sesudah ihram.
- Membaca doa sesudah talbiah.
- Mengerjakan tawaf qudum iaitu tawaf selamat datang.
- Mengucup Hajarul Aswad.
- Menyentuh atau melambai pada sudut Yamani (tanpa kucup).
- Zikir dan doa ketika tawaf.
- Solat sunat 2 rakaat selepas tawaf.
- Minum air zamzam selepas solat sunat sesudah tawaf.
- Masuk ke dalam kaabah jika berkesempatan.
- Bermalam di Mina pada malam 9 Zulhijjah.
- Berada di Arafah beberapa minit sesudah terbenam matahari.
- Berada di Muzdalifah sehingga terbit fajar 10 Zulhijjah.



Hikmah Haji

- Suasana persaudaraan Islam sejati.
- Dapat menyaksikan kesan perjuangan para rasul.
- Menghayati tempat bersejarah.
- Lambang perhimpunan di akhirat.
- Menyemai keinsafan.



Beri contoh perkara-perkara ghaib.

Apa itu siddiq, amanah, tabligh, fatanah?

Impak syahadah kepada rasul dalam kehidupan Muslim?

Rukun Iman



- Menurut istilah bahasa, iman membawa maksud percaya, yakin dan membenarkan.
- Manakala dari sudut syarak pula, iman adalah kepercayaan yang terbit dari hati seseorang, iaitu percaya dengan penuh keyakinan bahawa apa yang dibawa oleh Rasulullah SAW adalah benar datang dari Allah.
- Seseorang itu tidak dikira beriman dengan sebenar-benarnya jika dirinya tidak menerima secara bersungguh-sungguh atau hanya mempercayai sebahagian dari rukun-rukun iman.
- Rukun iman merupakan pasak kukuh yang perlu ditanam dalam diri seseorang Muslim. Oleh yang demikian, sebagai seorang Muslim adalah menjadi tanggungjawab kita untuk sentiasa menjadikan rukun iman sebagai pegangan dan menyakini keenam-enam rukun iman dengan sepenuh hati.
- Sebagai perbandingan, formula Matematik $(6-1=5)$ tidak boleh diaplikasikan dalam kepercayaan terhadap rukun iman. Ini kerana jika seseorang itu menolak salah satu rukun iman bermakna imannya akan terbatal iaitu $(6-1=0)$.

Beriman Kepada Allah

Konsep Beriman Kepada Allah

Mbenarkan dengan yakin kewujudan dan keesaan Allah dalam mencipta seluruh makhluk & alam serta mempercayai sifat-sifat Allah.

Kepentingan Beriman Kepada Allah

Manusia sebaik-baik kejadian & sebagai khalifah manusia diciptakan untuk beribadah kepada Allah.

Kesan Beriman Kepada Allah

- Tenang: Yakin kekuasaan dan keadilan Allah dalam menentukan segala yang berlaku.
- Amanah: Menjaga alam dan mengambil manfaat.
- Menjaga hubungan sesama manusia: Berakhlik mulia.
- Berjaya dunia dan akhirat: Mengamalkan cara hidup Islam.

Nama-Nama Allah

Asmaul Husna iaitu nama-nama Allah yang baik, mulia dan agung sesuai dengan sifat-sifat-Nya. Terdapat 99 nama Allah.



Sifat Allah

- Sifat-sifat kesempurnaan bagi Allah SWT tiada batasannya.
- Jumlah 20 sifat wajib bagi Allah bukanlah bermaksud sifat Allah SWT hanya terhad kepada bilangan 20 sahaja. Ini kerana, dalam kitab Umm al-Bara'in yang menjadi antara rujukan utama bagiuraian Sifat 20 ini didapati Imam al-Sanusi berkata: "Maka, sebahagian daripada apa yang wajib bagi Tuhan kita adalah 20 Sifat."





Beriman Kepada Malaikat




Beriman kepada malaikat adalah dengan meyakini sepenuh hati bahawa Allah menjadikan malaikat sebagai pesuruh-Nya.

Malaikat adalah makhluk Allah yang dijadikan daripada cahaya, tidak berjantina, tidak mempunyai nafsu, tidak makan dan minum, tidak tidur dan sentiasa berzikir dan bertasbih kepada Allah.



Malaikat yang wajib kita ketahui


Apakah tugas-tugas para malaikat yang disenaraikan ini?



Uji Minda & Pengetahuan




Senaraikan rukun iman yang perlu kita ketahui dan percaya sepenuh hati sebagai muslim.



- Rukun iman juga bermakna kita percaya kewujudan Allah sebagai tuhan yang sempurna sifat-Nya dan pencipta alam.
- Yakin hanya Allah yang wajib kita sembah dan dijadikan tempat bergantung hidup.
- Dan Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Esa, tidak berbilang; tidak ada tuhan yang disembah dengan hak selain Dia, Yang Maha Pengasih, Maha Penyayang. Sesungguhnya pada penciptaan langit dan bumi, pergantian malam dan siang, kapal yang berlayar di laut dengan (muatan) yang bermanfaat bagi manusia, apa yang diturunkan Allah dari langit berupa air, lalu dengan itu dihidupkan-Nya bumi setelah mati (kering), dan Dia tebarkan di dalamnya bermacam-macam binatang, dan perkisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi, (semua itu) sungguh merupakan tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi orang-orang yang mengerti.
(Surah al-Baqarah: 163-164)

Beriman Kepada



Kitab



- ➔ Beriman kepada kitab adalah perbuatan yakin dan percaya kepada kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah kepada Rasul.
- ➔ Kitab-kitab ini adalah sebagai undang-undang dasar untuk dijadikan pedoman atau pengajaran kepada seluruh umat.
- ➔ Al-Quran adalah kitab terakhir yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad sebagai mukjizat terbesar baginda.
- ➔ Sebagai umat Islam, menjadi tanggungjawab kepada kita untuk mempelajari, mengamalkan, menyebarkan dan mengajarkan isi al-Quran.
- ➔ Kitab-kitab Allah yang wajib kita yakini dan percayai adalah Kitab Zabur, Kitab Taurat, Kitab Injil dan Kitab al-Quran.

Trivia Al-Quran

01


JUMLAH SURAH

Berapakah jumlah surah dalam al-Quran?

02

JUZUK

Berapakah jumlah juzuk yang terdapat dalam al-Quran?



03

BISMILLAH

Apakah nama surah yang tidak dimulai dengan bismillah?

04

SURAH PANJANG

Berikan nama surah paling panjang dalam al-Quran.

05

SURAH PENDEK

Berikan nama surah paling pendek dalam al-Quran.

06

NAMA BINATANG

Senaraikan nama surah yang menggunakan nama binatang.

07

PENURUNAN AL-QURAN

Berapa lamakah tempoh penurunan al-Quran?

08

PAHALA

Apakah ganjaran yang diperolehi oleh mereka yang membaca al-Quran?

Beriman Kepada Rasul



- Rasul adalah seorang lelaki pilihan Allah yang diutuskan untuk menyampaikan risalah agama kepada seluruh umatnya.
- Semua rasul yang dilantik Allah mentauhidkan Allah. Iaitu mengesakan Allah sebagai tuhan yang wajib disembah dan tiada tuhan atau kuasa lain selain Allah SWT.
- Matlamat rasul diutuskan adalah untuk berbakti kepada Allah, mendekatkan umat manusia kepada Allah serta menegakkan kebenaran dan keadilan.
- Nabi Muhammad SAW adalah utusan Allah yang terakhir. Tiada lagi rasul selepas dari baginda Nabi Muhammad SAW.

Uji Minda





Beriman Kepada Hari Kiamat



Beriman kepada hari kiamat adalah yakin dan percaya Allah akan hancurkan dunia dan manusia akan dibangkitkan semula untuk perhitungan amal dan juga kebajikan yang dilakukan semasa di dunia.

Manusia akan dibalas dengan amalannya semasa hidup dan mendapat balasan syurga atau neraka.

Sebagai umat Islam, kita perlu meyakini kewujudan hari kiamat dan sentiasa mendidik diri untuk membuat kebajikan dan amal soleh semasa hidup.



Tahukah Anda? ? ? ?



Tanda-Tanda Kiamat

Tanda kecil kiamat

- Ilmu agama berkurang dengan kematian alim ulama yang tiada pengganti.
- Kejahilan ilmu agama kerana kurang keinginan mempelajarinya.
- Urusan agama diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya.
- Masyarakat dipimpin oleh ketua yang fasik yang menggalakkan maksiat.
- Arak diminum di mana-mana seolah-olah tiada larangan pengharamannya.
- Lucah, cabul dan zina berleluasa secara terang-terangan tanpa rasa malu atau takutkan dosa.

Kebangkitan Semula

Peringkat-peringkat yang akan dialami oleh manusia sesudah dibangkitkan di Padang Mahsyar:

1. Kebangkitan dari alam kubur (Baath).
2. Berkumpul di Padang Mahsyar (Hashyar).
3. Syafaat 'Uzma.
4. Timbangan amal (Mizan).
5. Titian sirat.
6. Syurga dan neraka.

Hikmah Beriman Kepada Hari Akhirat

- Dorongan melakukan amal soleh agar beroleh ganjaran syurga.
- Takut dan gerun untuk melakukan dosa kerana adanya balasan neraka.
- Sentiasa beristighfar, berzikir dan bertaubat agar terhindar dari balasan buruk.
- Bertindak meninggalkan perbuatan sia-sia kerana bimbang akan merugikan diri kelak.

Tanda besar kiamat

- Matahari terbit dari arah barat.
- Keluar sejenis binatang dari perut bumi yang pandai berkata-kata (Dabbatul ardh).
- Munculnya Imam Mahdi yang akan mengembalikan syariat Islam dan menegakkan Islam serta sunnah Rasulullah.
- Keluarnya Dajjal (ahli dusta dan penipu besar).
- Turunnya Nabi Isa ke dunia untuk membunuh dajjal.
- Keluarnya Ya'juj dan Ma'juj iaitu kaum yang dipenjarakan dengan tembok besi yang tinggi dan tebal pada zaman Raja Zulkarnain.
- Timbul asap seluruh bumi setelah Ya'juj dan Ma'juj mati.
- Rosaknya Kaabah Baitullah di Masjidil Haram.
- Hilangnya tulisan al-Quran dari mushaf dan dari ingatan orang Islam.
- Penghuni dunia tiada lagi yang beriman di mana semua penghuninya adalah kafir.

Tiupan Sangkakala

- Tiupan pertama:** Semua makhluk bernyawa akan mati.
Tiupan kedua: Semua makhluk dihidupkan kembali dari kubur.

Beriman Kepada Qada' dan Qadar



Qada' dari sudut bahasa Arab bermaksud meletakkan dan memutuskan sesuatu hukum.

Manakala dari sudut syarak pula, qada' ialah perkara yang diputuskan oleh Allah SWT terhadap segala makhluk-Nya sama ada dari sudut menciptakannya, mentiadakannya atau mengubahnya.


Qadar ialah perkara yang telah ditetapkan kadarnya oleh Allah SWT semenjak azali selaras dengan ilmu-Nya yang mendahului setiap perkara.



Yfi Rhinda

Adakah
qada' dan
qadar
seseorang
itu
BOLEH
BERUBAH?





BAB 2

KONSEP IBADAH

Oleh:

Ainul Farhaan binti Harun
Mohd Farid Hafidz bin Ahmad

- Topik ini mengupas tentang ibadah dalam Islam yang merangkumi toharah dan kebersihan diri seperti mandi, wuduk dan tayamum.
- Para pelajar juga akan diterapkan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan mandi hadas dan cara bersuci yang telah ditetapkan oleh Islam.
- Topik ini juga turut menyentuh tentang ibadah solat seperti solat jamak dan qasar, kesalahan yang biasa dilakukan dalam solat untuk dijadikan panduan dalam amalan sehari-hari para pelajar.
- Para pelajar turut didekah tentang topik konsep fardu kifayah serta bidang-bidang yang berkaitan dengan ibadah tersebut.



Konsep Kebersihan Menurut Islam



Apakah kebersihan menurut Islam?



Kebersihan adalah tuntutan agama Islam. Ini kerana seseorang Muslim yang ingin menunaikan ibadah (solat dan haji) perlu memastikan diri dan tubuh badan terhindar dari segala kotoran dan juga najis.


Istilah yang sering dan biasa digunakan untuk menggambarkan kebersihan adalah tazkiyah, taharah, nazhafah dan fitrah.

Definisi dan Dalil Kebersihan



- Bahasa: Bersih dan terhindar dari kekotoran seperti najis, perkara mengaibkan dan sifat-sifat keji.
- Istilah syarak: Merupakan perbuatan yang apabila dilakukan akan mengharuskan sembahyang didirikan atau apa-apa perkara yang berkaitan hukum sembahyang seperti berwuduk, mandi dan tayamum.

DALIL KEBERSIHAN & BERSUCI



①

Surah al-Baqarah

Dan mereka menanyakan kepadamu (Muhammad) tentang haid. Katakanlah, "Itu adalah sesuatu yang kotor." Kerana itu jauhilah isteri pada waktu haid; dan jangan kamu dekati mereka sebelum mereka suci. Apabila mereka telah suci, campurilah mereka sesuai dengan (ketentuan) yang diperintahkan Allah kepadamu. Sungguh, Allah menyukai orang yang bertaubat dan menyukai orang yang menyucikan diri.
(Al-Baqarah 2: 222)

②

Surah al-Maidah

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu hendak melaksanakan salat, maka basuhlah wajahmu dan tanganmu sampai ke siku, dan sapulah kepalamu dan (basuh) kedua kakimu sampai ke kedua mata kaki. Jika kamu junub, maka mandilah. Dan jika kamu sakit atau dalam perjalanan atau kembali dari tempat buang air (kakus) atau menyentuh perempuan, maka jika kamu tidak memperoleh air, maka bertayamumlah dengan debu yang baik (suci); usaplah wajahmu dan tanganmu dengan (debu) itu. Allah tidak ingin menyulitkan kamu, tetapi Dia hendak membersihkan kamu dan menyempurnakan nikmat-Nya bagimu, agar kamu bersyukur." (Al-Maidah 5: 6)

③

Hadis Rasulullah

"Tidak akan diterima solat tanpa bersuci."
(Hadis Riwayat Muslim)



Tanggungjawab

Menjaga Kebersihan Diri



PENDAHULUAN



Islam adalah agama yang sempurna merangkumi segala aspek kehidupan manusia.

Bukti Islam agama yang syumul adalah kerana agama kita amat mementingkan aspek kebersihan. Ia merangkumi kebersihan diri, tempat tinggal, makanan dan juga alam sekitar.

Oleh yang demikian, sebagai penganut agama Islam, kita seharusnya mementingkan kebersihan selari dengan tuntutan agama kita sekaligus menjadikan agama Islam dipandang tinggi oleh penganut agama lain.

KEBERSIHAN DIRI DALAM ISLAM



Rasulullah SAW bersabda: "Kebersihan adalah sebahagian daripada iman" (Hadis Riwayat Muslim).

Hadis baginda Rasulullah menunjukkan bahawa salah satu tanda orang beriman adalah mereka yang sangat menjaga dan menitikberatkan soal kebersihan.

Seperti dalam firman Allah SWT yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertaubat dan mengasihi orang yang sentiasa menyucikan diri." (Surah al-Baqarah 2: 222)

Cara Menjaga Kebersihan Diri



Beberapa aspek kebersihan diri yang amat ditekankan dalam agama Islam adalah seperti berikut:



Mandi

Makna: Alirkan air ke seluruh badan. Terdiri dari mandi wajib dan mandi sunat. Bertujuan elakkan pembiakan mikro organisma pada kulit dari debu dan peluh.



Wuduk

Salah satu cara menyucikan diri dari hadas kecil. Bermaksud keelokan. Dari syarak bermakna membasuh atau menyapu anggota tertentu dimulai niat.



Tayammum

Menggunakan debu tanah bersih dan suci bagi menyapu muka dan tangan untuk mengangkat hadas (pengganti wuduk) kerana tiada air atau mudarat jika menggunakan air.



Istinjak

Istinjak adalah perbuatan membersihkan qubul dan dubur. Air kencing mengandungi kuman dan bakteria begitu juga air besar (perkumuhan) dan istinjak bertujuan membersihkan diri dari penyakit dan kotoran.



Kebersihan mulut dan gigi

Menurut pakar perubatan, mulut dan gigi bersih akan menyumbang kepada kesihatan anggota badan dan sistem penghadaman.

Cara Menjaga Kebersihan Diri



Beberapa aspek kebersihan diri yang amat ditekankan dalam agama Islam adalah seperti berikut:



6 Cukur bulu dan memotong kuku

Memotong atau menggunting bulu kemaluan, misai, bulu ketiak untuk elakkan serangan kutu Pthirus Pubis. Penjagaan kuku penting supaya tidak dijangkiti kuman.



7 Memakai pakaian bersih

Pakaian yang bersih penting untuk penampilan diri seseorang. Pakaian yang bersih juga adalah untuk melaksanakan ibadah solat.



8 Berkhatan

Perbuatan memotong kulit yang meliputi kepala alat kelamin lelaki dan sedikit bahagian atas alat kelamin wanita. Memudahkan air kencing dibersihkan ketika istinjak.



9 Merapikan rambut

Pemakaian minyak rambut dan merapikannya penting agar nampak lebih kemas. Seperti sabda Baginda Nabi SAW "Sesiapa yang mempunyai rambut, hendaklah memuliakannya (menjaganya) - Hadis Riwayat Abu Daud



Fakta Sains

- Kulit merupakan pembiakan mikroorganisma. Peluh, debu, minyak dan habuk akan memudaratkan tubuh manusia. Mandi adalah salah satu kaedah untuk membersihkan badan dari kotoran dan bau busuk.
- Menurut Edgar J. Schoen (pakar kesihatan): Individu yang tidak berkhatan bahagian bawah kulit zakar akan menjadi tempat takungan pelbagai jenis kuman dan meningkatkan risiko jangkitan kuman.
- Kutu Pthirus Pubis akan menyebabkan kegatalan dan jangkitan kuman.

1 Fitrah semula jadi

Kembali kepada fitrah semula jadi manusia.

Manusia cenderung kepada kebersihan dan tidak suka serta menjauhkan diri daripada perkara yang kotor.

2 Memelihara kemuliaan dan izzah

Menjaga kemuliaan dan 'izzah. Manusia menyukai dan cenderung kepada seseorang yang bersih, suka berhimpun dan duduk bersamanya. Pada masa yang sama memandang rendah kepada individu yang pengotor.

3 Menjaga kesihatan

Menjaga kesihatan. Kebersihan merupakan faktor terpenting bagi menjaga manusia daripada penyakit. Kebanyakan penyakit merebak dalam kalangan manusia melalui kekotoran.

Hikmah

DISYARIATKAN BERSUCI

Menurut Dr. Mustafa Al-Khind di dalam Fiqh Manhaji, Islam mensyariatkan bersuci kerana terdapat beberapa hikmah antaranya:

4 Suci dan bersih

Mengadap Allah SWT dalam keadaan suci dan bersih. Ini kerana dalam solat contohnya manusia mengadap kepada tuhannya. Oleh itu, sepatutnya dia berada dalam keadaan suci dan bersih.



Isu Berkaitan Kebersihan



Scan QR Code untuk nota secara video grafik bagi setiap topik



PEMBAHAGIAN AIR



PEMBAHAGIAN NAJIS



ISTINJAK



ADAB QADA HAJAT

Wuduk



MAKNA



- Merupakan perkara yang signifikan dalam melaksanakan sesuatu yang wajib.
- Setiap muslim perlu memahami pengertian wuduk, fardu atau rukun wuduk, sunat wuduk, perkara-perkara yang membatkalkannya dan segala yang berkait dengannya.
- Wuduk bermaksud menggunakan air pada anggota-anggota yang tertentu dengan niat.

Perkara yang diharamkan ketika hadas kecil (Tiada Wuduk)

✗ Sembahyang fardu atau sunat.

✗ Tawaf fardu atau sunat.

✗ Menyentuh dan membawa al-Quran.



FARDU



- **Niat**
- Niat dimulakan ketika air basuhan pertama mengenai sebahagian daripada muka. Lafaz niat ialah:
- “Sahaja aku mengangkat hadas kecil kerana Allah Taala”
- **Membasuh muka**
- Had atau kawasan muka itu ialah di antara tempat tumbuh rambut (yang biasa) sehingga penghujung tempat tumbuh rambut. Melintang pula antara dua anak telinga dan wajib menyampaikan air ke seluruh tempat dan juga bulu mata, misai, janggut dan sebagainya.
- **Membasuh dua tangan hingga ke siku**
- Meratakan air ke seluruh bahagian tangan dan membuang segala kotoran yang melekat di bawah kuku dan disampaikan air ke kawasan tersebut.
- **Membasuh dua kaki serta buku lali**
- Wajib menyampaikan air kepada seluruh kaki dan wajib menghilangkan apa sahaja yang menghalang air. Kita juga diwajibkan menyucikan bahagian yang di bawah kuku kaki dari kotoran yang menghalang air mengenainya.
- **Tertib**
- Tertib ialah mendahulukan yang dahulu dan mengakhirkan yang kemudian.


Perkara Sunat Wuduk



- ✓ Membaca Basmalah pada permulaan wuduk.
- ✓ Membasuh dua tangan hingga pergelangan tangan.
- ✓ Berkumur-kumur.
- ✓ Menyedut air ke hidung dan mengeluarkannya.
- ✓ Menyapu sebahagian kepala.
- ✓ Menyapu dua telinga luar dan dalam.
- ✓ Mendahulukan anggota yang kanan dari yang kiri.
- ✓ Mengulangi sebanyak tiga kali pada setiap anggota.
- ✓ Menyelati janggut yang tebal.
- ✓ Menyelati celah-celah jari tangan dan kaki.
- ✓ Mengadap kiblat.
- ✓ Tidak berkata-kata atau berbual semasa berwuduk.
- ✓ Menggosok-gosok anggota yang dibasuh.
- ✓ Muwalat (berturut-turut) dari satu anggota ke anggota yang lain.
- ✓ Melebihi basuhan dari had yang difardukan kerana tidak sempurna yang wajib melainkan dengan dilebihkan sedikit.




PERKARA YANG MEMBATALKAN WUDUK



01

KELUAR SESUATU



Keluar sesuatu daripada qubul dan dubur sama ada yang biasa keluar seperti najis dan kencing mahupun perkara yang tidak biasa seperti darah, batu dan sebagainya.

02

TIDUR



Tidur yang tidak tetap papan punggungnya.

03

HILANG AKAL



Hilang akal disebabkan mabuk, gila, sakit atau seumpamanya.

04

BERSENTUHAN KULIT



Bersentuh kulit antara lelaki dan perempuan yang halal dinikahi tanpa lapik.

05

MENYENTUH KEMALUAN



Menyentuh kemaluan qubul dan dubur pada had yang ditetapkan.

Mandi

Kepentingan Mandi

- Mandi merupakan aktiviti penting dalam usaha membersihkan dan menyucikan diri.
- Umat Islam perlu mengetahui beberapa perkara penting seperti rukun, sunat, hikmah disyariatkan dan sebagainya.
- Dari segi bahasa ialah mengalirkan air ke atas apa sahaja benda.

- Manakala dari istilah syarak mandi ialah mengalirkan air ke atas badan dengan niat yang tertentu.
- Mandi disyariatkan sama ada dengan tujuan membersih, mengangkat hadas sama ada ia menjadi syarat ibadat ataupun tidak. Firman Allah Taala yang bermaksud:
“Sesungguhnya Allah kasih kepada orang yang suka bertaubat dan bersih” (Surah Al-Baqarah: 222)

Pandangan Ulamak

Para ulamak mujtahid sepakat mengatakan bahawa mandi untuk membersihkan tubuh badan hukumnya sunat dan mandi yang menjadi syarat sah ibadat hukumnya wajib.

Mandi Wajib

Terdapat beberapa sebab yang mewajibkan mandi iaitu:

1. Berjunkun dengan sebab melakukan persetubuhan ataupun keluar mani bagi lelaki dan juga perempuan.
2. Haid.
3. Nifas.
4. Wiladah.
5. Mati selain daripada mati syahid.


Mandi sunat

1. Sebelum sembahyang Jumaat.
2. Sebelum sembahyang dua Hari Raya.
3. Sebelum sembahyang minta hujan.
4. Sebelum sembahyang kerana gerhana bulan.
5. Sebelum sembahyang gerhana matahari.
6. Setelah memandikan mayat.
7. Selepas memeluk Islam.
8. Orang gila apabila sembuh.
9. Orang mabuk atau pengsan apabila sedar.
10. Sebelum mengerjakan ihram haji dan umrah.
11. Ketika hendak masuk ke Makkah.
12. Ketika hendak bertolak ke Arafah untuk wuquf.
13. Ketika akan menginap di Muzdalifah.
14. Ketika hendak melontar Jamrah ketiga.
15. Ketika hendak bertawaf.
16. Ketika hendak Saí.
17. Ketika hendak memasuki kota Madinah.

RUKUN MANDI (WAJIB)

NIAT

Niat. Permulaan niat bagi mandi wajib ialah ketika basuhan pertama mengenai anggota badan.



MERATAKAN AIR

Meratakan air ke seluruh badan merangkumi kulit, bulu, rambut, kemaluan dan celah anggota badan yang terbuka secara zahir. Wajib menghilangkan apa-apa yang menghalangi air daripada sampai kerana sekiranya air terhalang maka mandinya tidak sah.



PERKARA YANG DIHARAMKAN KETIKA BERHADAS BESAR

1. Sembahyang fardu dan sunat.
2. Membaca al-Quran.
3. Menyentuh dan membawa al-Quran.
4. Tawaf fardu dan sunat.
5. Berhenti atau duduk di dalam masjid.



Tayamum



Tayamum dari segi bahasa bermaksud qasad atau tuju manakala dari segi syarak ialah menyapukan debu tanah yang suci ke muka dan kedua tangan dengan niat dan cara tertentu.



01

Dalil tayamum

Tayamum dilakukan apabila berada dalam keadaan darurat.

Firman Allah Taala yang bermaksud:
“Dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air) atau dalam pelayaran atau salah seorang daripada kamu datang dari tempat buang air (untuk wuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah.”


Syarat sah tayamum

1. Ada keuzuran seperti sakit atau ketiadaan air.
2. Masuk waktu sembahyang. Tidak sah tayamum bagi solat fardu sebelum masuk waktunya.
3. Mencari air terlebih dahulu dengan sendirinya atau dengan seorang yang diizinkannya.
4. Uzur menggunakan air sebab ditakuti memudarangkan apabila menggunakan air.
5. Tanah berdebu lagi suci dan menyucikan.



03

02



Rukun tayamum

1. Niat. Niat kerana mengharuskan sembahyang fardu atau sunat atau kedua-duanya dan tawaf.
2. Menyapu muka iaitu menyampaikan debu tanah kepada seluruh muka.
3. Menyapu kedua tangan serta siku. Tidak wajib menyapu debu tanah di bawah kuku dan ke pangkal-pangkal bulu yang tumbuh pada muka dan tangan.
4. Tertib iaitu menyapu muka dahulu kemudiannya tangan.

Perkara membatalkan tayamum

1. Berlaku sesuatu daripada perkara yang membatalkan wuduk.
2. Menemui air ataupun mendapatkan air jika sebab dia bertayamum atas sebab ketiadaan air.
3. Murtad.

04



SOLAT

JAMAK & QASAR




RUKHSAH

Rukhsah adalah kemudahan atau keringanan yang dikurniakan Allah kepada hamba-Nya atas sebab-sebab dan situasi tertentu.

Solat Qasar



Solat qasar bermaksud solat yang dipendekkan. Iaitu solat empat rakaat menjadi dua rakaat. Ia melibatkan solat zuhur, solat asar dan solat isyak sahaja. Musafir dengan syarat-syarat yang selari dengan syariat Islam dibolehkan untuk solat qasar. Solat subuh dan juga solat maghrib tidak boleh diqasarkan (perlu solat secara tamam: sempurna).



Solat Jamak



Solat jamak bermaksud mengumpulkan dua solat dalam satu waktu. Contohnya mengumpulkan solat zuhur dan asar, dan solat maghrib dan solat isyak dengan mengikut syarat-syarat tertentu. Solat jamak terbahagi kepada solat jamak takdim dan solat jamak takhir. Solat subuh tidak boleh dilaksanakan secara jamak atau qasar.



Solat Jamak



Solat jamak bermaksud mengumpulkan dua solat dalam satu waktu. Sebagai contoh mengumpulkan solat zuhur dalam waktu solat asar (jamak takhir) atau melaksanakan dan mengumpulkan solat isyak dalam waktu maghrib (solat jamak takdim). Solat jamak terbahagi kepada jamak takdim dan juga solat jamak takhir.

Syarat Solat Jamak Takdim



- Dimulai dengan solat waktu pertama (solat zuhur kemudian disusuli dengan solat asar).
- Niat solat jamak pada waktu solat pertama pada permulaan takbiratul ihram atau di pertengahan solat selagi belum memberi salam.
- Berturut-turut antara solat pertama dan juga solat yang kedua.
- Solat tidak diselangi oleh perbuatan lain antara kedua-dua solat tersebut. Sekiranya diselangi dengan perbuatan lain selama tempoh masa (dua rakaat) maka solat kedua hendaklah dilakukan pada waktunya.

Syarat Solat Jamak Takhir



- Berniat untuk mentakhirkan (melewatkannya atau mengakhirkannya) solat pertama pada waktu solat kedua.
- Berkekalan musafirnya sehingga selesai kedua-dua solat.
- Tidak disyaratkan tertib (mengikut turutan) iaitu mendahului solat zuhur dan maghrib semasa melaksanakan solat jamak takhir. Tetapi amat digalakkan dimulai dengan solat kedua (asar atau isyak)
- Kekal dalam musafir hingga takbir solat kedua.

Solat Jamak Takdim

Menghimpunkan dua solat fardu dan melaksanakannya dalam waktu solat pertama.

Solat Jamak Takhir

Menghimpunkan solat fardu dan melaksanakannya dalam waktu solat kedua.

Semoga pelajar-pelajar jelas tentang pelaksanaan solat jamak takhir dan solat jamak takdim, kita akan lihat pula topik niat solat jamak dan syarat sah solat.



Syarat Membolehkan Solat Jamak



Musafir yang hendak melaksanakan solat jamak hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut antaranya adalah:



Artikel berkaitan jarak 2 marhalah

Anggaran
2 marhalah



Sebahagian ulama mengatakan anggarannya adalah 81 km (Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha, Ali asy-Syarbanji). Sebahagian pula 89 km (Wahbah az-Zuhaili).

Had maksimum

3 hari

3 hari (tempoh menetap) sesuatu tempat iaitu tidak termasuk perjalanan pergi dan balik.

18 hari : Jika tidak pasti tempoh menetap disebabkan urusan (kerja, rasmi) yang tidak pasti tempoh selesai.

Perkiraan sebagai musafir




Melepas sempadan kawasan bermukim bagi orang yang ingin memulakan sebuah musafir (perjalanan).

Cara pelaksanaan



- i. Himpunkan 2 solat fardu (tanpa dipendekkan).
- ii. Menghimpunkan dan memendekkan dua solat fardu (jamak dan qasar).
- iii. Menghimpunkan solat tanpa memendekkan.

Makna Istilah



Musafir

Seseorang yang melakukan perjalanan melebihi 2 marhalah.

Mukim

Seseorang yang menetap di satu tempat melebihi 3 hari (tidak termasuk perjalanan pergi dan pulang).

Mastautin

Tempat tinggal tetap atau hakiki seseorang.



Niat Solat Jamak Takdim



أُصلِّي فَرْضَ الظُّهُرِ رَكْعَتَيْنِ جَمْعًا تَقْدِيمٌ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى



أُصلِّي فَرْضَ الْعَصْرِ رَكْعَتَيْنِ جَمْعًا تَقْدِيمٌ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى



أُصلِّي فَرْضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكْعَاتٍ جَمْعًا تَقْدِيمٌ لِلَّهِ تَعَالَى



أُصلِّي فَرْضَ الْعِشَاءِ رَكْعَتَيْنِ جَمْعًا تَقْدِيمٌ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى



Niat Solat Jamak Takhir



اُصلیٰ فَرْضَ الظُّهُرِ رَكْعَتَيْنِ جَمْعًا تَأْخِيرٌ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى



اُصلیٰ فَرْضَ الْعَصِيرَ رَكْعَتَيْنِ جَمْعًا تَأْخِيرٌ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى



اُصلیٰ فَرْضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكْعَاتٍ جَمْعًا تَأْخِيرٌ لِلَّهِ تَعَالَى



اُصلیٰ فَرْضَ الْعِشَاءِ رَكْعَتَيْنِ جَمْعًا تَأْخِيرٌ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى



Solat Qasar



Apa itu solat qasar?

Solat yang dipendekkan dari empat rakaat menjadi dua rakaat sahaja. Solat ini boleh dilaksanakan semasa sedang dalam tempoh musafir dan ia melibatkan solat zuhur, asar dan isyak sahaja.




Syarat-syarat sah

- a) Musafir tidak bertujuan maksiat.
- b) Perjalanan adalah melebihi dua marhalah.
- c) Diniatkan qasar solat ketika takbiratul ihram.
- d) Tidak boleh mengikut imam yang sedang solat secara tamam (sempurna).
- e) Mengetahui bahawa solat qasar itu harus baginya (tahu keharusan solat qasar).
- f) Tahu tempat yang ingin dituju, jika tiada tujuan destinasi atau matlamat musafirnya, maka tidak sah solat qasar.
- g) Tidak boleh qada solat yang ditinggalkan semasa di tempat kediaman (bukan dalam musafir) tetapi boleh qada solat yang ditinggalkan semasa dalam musafir (qada secara qasar juga iaitu dua rakaat).
- h) Masih dalam keadaan musafir sehingga selesai solat qasar yang dilaksanakan.



Contoh niat solat

أُصَلِّي فَرْضَ الْعَصْرِ رَكْعَتَيْنِ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى



Solat adalah tiang agama, lakukanlah solat sebaiknya. Jangan sesekali meninggalkan solat disebabkan dalam musafir. Kerana Allah telah kurniakan rukhsah dalam solat kepada hamba-Nya

Kesalahan Dalam SOLAT



1

TIDAK BERDIRI LURUS

- Berdiri lurus bagi yang berkemampuan merupakan salah satu rukun solat. Contoh, seseorang yang sakit (mampu berjalan) sewajibnya, mereka berdiri lurus dahulu, kemudian, barulah mereka boleh duduk. Ini adalah kerana mereka masih boleh berdiri dan berjalan.

2

TAKBIRATUL IHRAM DILAFAZKAN DENGAN SALAH

- Lafaz takbiratul ihram adalah RUKUN QAULI. Maka, ia WAJIB dilafazkan 100% di mulut tanpa meninggalkan satu huruf pun . أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ أَكْبَرُ

3

KESALAHAN DALAM MEMBACA SURAH AL-FATIHAH

- Al-Fatiyah merupakan RUKUN QAULI yang wajib dilafazkan 100% oleh mulut dengan makhraj dan tajwid yang betul.

4

TIDAK TOMAKNINAH (BERHENTI SEKETIKA) DALAM RUKUK DAN SUJUD

- Kadar minimum untuk rukuk dan sujud adalah dengan kadar lafaz "subhanallah". Maksud hadis:
"Seburuk-buruk pencuri adalah orang yang mencuri dalam solatnya." Sahabat bertanya, "bagaimana caranya mencuri solat itu wahai Rasulullah?" "Iaitu, yang tidak menyempurnakan rukuk, sujud dan bacaan di dalam solatnya." (HR Ahmad)

5

SUJUD YANG TIDAK SEMPURNA

- Sujud yang tidak sempurna, anggota sujud tidak dikenakan ke atas lantai. 7 anggota sujud tersebut adalah:
 - Muka (termasuk dahi dan hidung).
 - Kedua tapak tangan.
 - Kedua lutut.
 - Penghujung 2 tapak kaki (perut jari dilipatkan).

6

LAFAZ TAHIYYAT AKHIR YANG SALAH

- Lafaz Tahiyat Akhir merupakan RUKUN QAULI yang wajib dilafazkan 100% oleh mulut dengan makhraj dan tajwid yang betul.

7

SEBUTAN LAFAZ SALAM

- Lafaz Salam yang pertama merupakan RUKUN QAULI yang wajib dilafazkan 100% oleh mulut dengan makhraj dan tajwid yang betul. Lafaz yang tepat adalah أَسْلَمْ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةً اللّٰهِ

8

PERGERAKAN ANGGOTA BESAR 3 KALI BERTURUT-TURUT BOLEH MEMBATALKAN SOLAT

- Pergerakan anggota besar 3 kali berturut-turut boleh membatalkan solat. Contohnya, mengayun tangan berkali-kali dengan sengaja semasa iktidal, membatalkan solat.

9

PERUT JARI KAKI TIDAK DILIPATKAN

- Menurut Imam al-Nawawi jika seseorang itu sengaja (tanpa uzur) tidak meletakkan perut hujung tapak jari kaki ketika sujud, maka tidak sah solatnya.

10

DADA BERPALING DARI KIBLAT

- Pastikan tubuh anda sentiasa menghadap ke arah kiblat ketika solat.





Konsep Fardu Kifayah

PENGENALAN

Setiap umat Islam dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan perkara-perkara yang dituntut dan difardukan sama ada fardu ain atau fardu kifayah.

Sebelum melakukan sesuatu ibadah, kita hendaklah mengetahui akan ibadah tersebut sama ada ia merupakan fardu ain atau fardu kifayah.

FARDU AIN

Fardu Ain wajib dilakukan oleh setiap individu muslim manakala fardu kifayah pula menjadi kewajipan secara umum sahaja bagi golongan tertentu. Bagi individu yang meninggalkan fardu ain akan berdosa besar.

FARDU KIFAYAH

Fardu kifayah pula menjadi kewajipan secara umum sahaja bagi golongan tertentu.

Kewajipan telah tertunai sekiranya sebahagian telah menunaikan fardu kifayah.

IBADAH FARDU AIN

Fardu ain meliputi ibadah secara langsung (direct) dengan Allah SWT

Fardu Ain ialah perkara yang wajib ditunaikan oleh setiap umat Islam. Jika tidak ditunaikan maka berdosa. contohnya seperti solat, puasa, zakat, cari ilmu dan sebagainya. Ringkasnya fardu ain ini wajib dibuat dan dilakukan oleh individu, setiap dari kita yang bergelar Muslim.

HUKUM FARDU KIFAYAH

Fardu Kifayah pula ialah perkara yang wajib dilakukan oleh sebahagian anggota masyarakat untuk menjaga kepentingan umat Islam. Jika diabaikan atau tiada siapa pun yang melakukannya maka seluruh masyarakat berdosa.

CONTOH FARDU KIFAYAH

Bidang fardu kifayah adalah seperti menguasai ilmu atau kepakaran dalam sesuatu bidang seperti pendidikan, teknologi, perubatan, kejuruteraan dan perkara lain yang boleh mendatangkan kepentingan kepada ummah.

PANDANGAN ULAMA

Sebahagian ulama seperti Abu Ishaq al-Isfarayini dan Imam al-Haramain al-Juwainiy berpandangan fardu kifayah lebih besar kelebihannya berbanding fardu ain. Hal ini kerana pelaksanaan fardu ain hanya melaksanakan tanggungjawab yang dituntut ke atas diri sendiri, manakala pelaksanaan fardu kifayah merupakan pelaksanaan tanggungjawab yang dituntut terhadap diri sendiri dan ummah seluruhnya.



Bidang Fardu Kifayah

Contoh bidang fardu kifayah

Menuntut ilmu

Antara contoh bidang dan lapangan fardu kifayah ialah kewajipan menuntut ilmu.

Firman Allah SWT:

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لَيَنْفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ
مِنْهُمْ طَائِفَةٌ لِيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلَيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا
رَجَعُوا إِلَيْهِمْ أَعْلَاهُمْ يَحْذَرُونَ

Maksudnya: Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam ugama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah). Surah al-Taubah (122)

Akibat meninggalkan Fardu Ain

1. Jiwa seseorang akan selalu rasa resah dan gelisah serta mudah terpengaruh dengan unsur negatif.
2. Seseorang akan mudah melakukan perkara yang dilarang oleh Allah atau melakukan dosa.
3. Tidak mendapat keberkatan dan keredhaan dari Allah SWT.
4. Maruah diri seseorang menjadi buruk dan tidak mampu dijaga.
5. Akhlak akan sentiasa buruk dan sering melanggar batas dalam Islam.

Solat 5 waktu

Begitu juga dengan solat lima waktu secara berjemaah. Berkata Imam Khatib al-Syirbini: "Hukum solat jemaah ialah fardu kifayah pada solat-solat maktubah (solat wajib lima waktu) ke atas lelaki merdeka yang bermukim menurut pandangan yang muktamad di sisi Imam Nawawi."

Pengurusan Jenazah

Begitu juga dengan kewajipan pengurusan jenazah oleh ahli masyarakat. Imam al-Syafie berkata: Menjadi kewajipan ke atas manusia untuk memandikan mayat, mensolatkannya dan mengebumikannya, tidak boleh mereka meninggalkannya secara kulliy. Adapun apabila sebahagian masyarakat melaksanakannya, itu sudah cukup bagi mereka,

Ilmu keduniaan

Kata Imam al-Ghazali: "Sesungguhnya bidang perubatan, matematik, pertanian, penenunan dan politik merupakan sebahagian daripada fardu-fardu kifayah, dan hatta pembekaman serta penjahitan juga termasuk fardu kifayah."

Akibat meninggalkan Fardu Kifayah

1. Masyarakat Islam pasti akan mundur dan terkebelakang berbanding masyarakat lain dalam pelbagai bidang.
2. Umat Islam akan mudah ditipu, dipengaruhi dan dipermainkan oleh agama lain.
3. Umat Islam akan hidup dalam kesusahan kerana tidak mahir dalam sesuatu bidang ilmu untuk meningkatkan taraf hidup kita.



BAB 3

PERKAHWINAN DALAM ISLAM

Oleh:

Sharihan bin Shahidan
Razak bin Nordin

-
- Topik ini mengupas tentang konsep perkahwinan dalam Islam merangkumi definisi perkahwinan, hukum perkahwinan, pertunangan dan juga wali.
 - Isu-isu perkahwinan yang melibatkan pembubaran perkahwinan turut dikupas dalam topik ini. Antaranya adalah talak dan hukum sesuatu lafaz talak.
 - Isu seperti fasakh, khuluk, li'an dan qazaf turut akan dipelajari dalam topik ini. Isu-isu dalam perkahwinan diuraikan untuk dijadikan iktibar dan panduan kepada pelajar dalam membina bahtera perkahwinan yang selari dengan Islam.
 - Para pelajar didedahkan dengan konsep perkahwinan Islam agar dapat menjadi insan yang celik ilmu agama dan dapat mengurus konflik perkahwinan mengikut syariat.

Konsep Perkahwinan

Nikah

Definisi Perkahwinan

➤ Maksud perkahwinan ialah akad yang menghalalkan di antara lelaki dengan perempuan hidup bersama dan menetapkan tiap-tiap pihak daripada mereka hak-hak dan tanggungjawab.

➤ Suatu akad yang menghalalkan persetubuhan dengan sebab perkataan yang mengandungi lafaz nikah, perkahwinan dan sebagainya.

Hukum Perkahwinan

Harus: Tidak mendorong dosa maupun pahala jika seseorang itu tidak berkahwin. Ini adalah asal hukum nikah kahwin.

Sunat: Jika seseorang lelaki berkemampuan (zahir dan batin), mempunyai keinginan (nafsu syahwat) tetapi masih dapat mengawalnya dan menjaga diri jika tidak berkahwin.

Wajib: Lelaki telah berkemampuan dan mempunyai keinginan (nafsu syahwat) yang tidak boleh dikawal. Dibimbangi ia akan melakukan zina dan terjerumus kepada kebinasaan.

Makruh: Seseorang itu mempunyai keinginan (nafsu syahwat) tetapi tidak berkemampuan dari segi kewangan. Makruh berkahwin jika seseorang itu takut atau khuatir akan menzalimi bakal isteri dalam pergaulan, jika berkahwin.

Haram: Berkahwin bagi orang yang berkeyakinan tidak akan dapat melaksanakan kewajipan sebagai seorang suami. Sekiranya ia berkahwin ia akan melakukan kezaliman kepada isterinya.

Hikmah Pernikahan

- a) Sunnah para Nabi dan Rasul.
- b) Tenang dan tenteram.
- c) Memelihara iman.
- d) Yakin rezeki daripada Allah SWT.
- e) Memperolehi zuriat.
- f) Disiplin hidup.



Pemilihan pasangan menurut Islam

“Seorang wanita itu dinikahi kerana empat perkara; kerana **hartanya**, kerana **keturunannya**, kerana **kecantikannya** dan kerana **agamanya**. Maka hendaklah kamu mengutamakan yang beragama, nescaya kamu berbahagia.”

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Dalil Terjemahan Hadis: Dari Jabir, Sesungguhnya Nabi SAW telah bersabda sesungguhnya seorang perempuan dikahwini orang kerana agamanya, harta kekayaannya dan kecantikannya, maka hendaklah kamu mengutamakan yang beragama. (Riwayat Muslimin Al Tirmizi) Dr. Haron Din, Manusia dan Islam, Jilid 2, halaman 198.

Sifat wanita yang baik untuk menjadi bakal isteri.

- a) Beragama dan beramal dengannya.
- b) Keturunan daripada orang yang baik, subur (boleh melahirkan anak) dan sihat.
- c) Masih dara


Pinangan @

Khitbah



Definisi Pinangan / Khitbah

Khitbah: menzahirkan keinginan untuk mengahwini seseorang wanita yang tertentu, dan wanita tersebut menyampaikan hasrat tersebut kepada walinya. Pemberitahuan ini sama ada disampaikan secara terus daripada lelaki tersebut atau melalui perantaraan keluarganya.



Hukum Khitbah

Khitbah adalah langkah terawal untuk menuju ke perkahwinan yang sah.

Lamaran atau pinangan boleh berlaku dalam dua bentuk; zahir atau kiasan. Terdapat beberapa syarat yang perlu diambil kira sebelum melamar atau meminang seorang wanita.

Mengenal pasti sama ada wanita tersebut telah dinikahi atau dalam tempoh iddah talak raj'ie.

Hukum Melamar Secara Terbuka (Khalayak Umum)

- Melamar wanita secara terbuka di depan khalayak ramai adalah lebih berkait dengan adat dan budaya masyarakat setempat.
- Namun, disyorkan untuk menjauhi perbuatan ini kerana ia bukan satu budaya Islam, bahkan bukan juga budaya masyarakat Melayu. Ia juga bukanlah suatu perkara yang terpuji kerana Islam sangat mengangkat tinggi penjagaan kepada maruah individu.
- Lamaran melalui wali adalah perkara yang diajar oleh Islam serta masyarakat Melayu Muslim di Malaysia.
- Ini bagi menjaga maruah kedua-dua individu serta memberi ruang masa yang cukup kepada wanita tersebut untuk mempertimbangkan pinangan tersebut.

Namun, bagi wanita yang berada di dalam tempoh iddah talak bain, mereka adalah wanita yang haram untuk dipinang secara zahir selama mana wanita ini berada di dalam tempoh iddah. Namun, pinangan secara kiasan adalah dibenarkan.

Tidak meminang di atas pinangan orang lain berdasarkan hadith:
لَا يَحْتَظُ أَخْدُمْ عَلَى حَظْبَةِ أَخْجِيَه
Jangan sekali-kali salah seorang daripada kamu meminang atas pinangan saudaramu yang lain.
Muwatta' Imam Malik (1094)

Hal ini kerana, kita tidak boleh mengetahui keadaan emosi dan minda wanita tersebut pada waktu berkenaan. Kita seolah-olah meletakkan keputusan besar dalam hidup seseorang hanya pada waktu yang singkat.

Sedangkan dalam Islam, setiap individu miliki hak untuk membuat keputusan secara peribadi.



Hukum Menyembunyikan Pertunangan



- Sebahagian al-Malikiyyah berpendapat bahawa menyembunyikan pertunangan adalah digalakkan.
- Adapun sebahagian pendapat yang lain menyatakan bahawa tiada masalah iaitu dibolehkan untuk mengiklan serta menghebahkan perihal pertunangan seseorang itu kerana tiada nas yang sah di dalam larangan berbuat demikian.

Sebahagian ulama' melihat bahawa menyembunyikan pertunangan adalah suatu yang digalakkan. Ini kerana terdapat sebuah hadis daripada Ummu Salamah R.A yang mana Rasulullah SAW telah bersabda:
أَظْهِرُوهَا النِّكَاحَ، وَأَخْفِيُوهَا الْخُطْبَةَ
Maksudnya: Zahirkan (iklankan) pernikahan dan sembunyikan pertunangan.
Riwayat al-Imam al-Dailami di dalam Musnad al-Firdaus (1/1/27).

Mufti Wilayah Persekutuan melalui artikel dalam Majalah Irsyad lebih cenderung untuk mengatakan bahawa perlunya agar pertunangan itu dihebahkan. Ini bagi mengelakkan berlakunya pinangan atas pinangan yang mana ianya jelas dilarang di dalam Islam. Dengan mengiklankan pertunangan, sedikit sebanyak boleh mengelakkan dari berlakunya perkara tersebut.



Anggota yang harus Dipandang

Imam Malik & Imam Syafie

Melihat bahagian muka dan dua tapak tangan sahaja.


Imam Hanafi

Dbolehkan melihat dua kaki, bersama muka dan dua tapak tangan. Ini telah memadai, sebab melihat muka dapat diketahui sama ada kecantikan lahir atau tidak dan penglihatan kepada tangan dapat diketahui sama ada perempuan itu gemuk atau kurus. Fuqaha' berpegang kepada firman Allah dalam Surah Al-Nur ayat 31.

Dan katakanlah kepada para perempuan yang beriman, agar mereka menjaga pandangannya, dan memelihara kemaluannya, dan janganlah menampakkan perhiasannya (auratnya), kecuali yang (biasa) terlihat. Dan hendaklah mereka menutupkan tudung ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya (auratnya), kecuali kepada suami mereka, atau ayah mereka, atau ayah suami mereka, atau anak lelaki mereka, atau anak lelaki suami mereka, atau saudara-saudara laki-laki mereka, atau putra-putra saudara laki-laki mereka, atau putra-putra saudara perempuan mereka, atau para perempuan (sesama Islam) mereka, atau hamba sahaya yang mereka miliki, atau para pelayan laki-laki (tua) yang tidak mempunyai keinginan (terhadap perempuan) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat perempuan. Dan janganlah mereka menghentakkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu semua kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, agar kamu beruntung.

Rukun Nikah &

Wali



Rukun nikah

- 1.Bakal Suami
- 2.Bakal Isteri
- 3.Wali
- 4.Dua Orang Saksi
- 5.Lafaz Akad Nikah (Sighah)
iaitu ijab dan qabul.



Susunan wali

- 1.Bapa
- 2.Datuk sebelah bapa dan ke atas.
- 3.Adik-beradik lelaki seibu seapa.
- 4.Adik-beradik lelaki seapa.
- 5.Anak saudara lelaki daripada adik-beradik lelaki seibu seapa.
- 6.Anak saudara lelaki daripada adik-beradik lelaki seapa.
- 7.Anak lelaki kepada anak saudara lelaki seibu seapa.
- 8.Anak lelaki kepada anak saudara lelaki seapa.
- 9.Bapa saudara sebelah bapa seibu seapa.
- 10.Bapa saudara sebelah bapa seapa.
- 11.Sepupu lelaki daripada bapa saudara sebelah bapa seibu seapa.
- 12.Sepupu lelaki daripada bapa saudara sebelah bapa seapa.
- 13.Wali Hakim.



Apakah yang dimaksudkan dengan **wali mujbir**?

WALI

Maksud wali

Orang yang mempunyai kelayakan untuk menikahkan pengantin perempuan.

Syarat wali

- 1.Islam
- 2.Lelaki
- 3.Baligh
- 4.Berakal
- 5.Adil, iaitu tidak melakukan dosa besar atau tidak melakukan dosa kecil secara berterusan.
- 6.Merdeka
- 7.Tidak dalam keadaan ihram haji atau umrah.
- 8.Tidak dipaksa diwalikan.
- 9.Tiada penyakit yang mencacatkan fikiran seperti nyanyuk atau gila.
- 10.Mampu memelihara dan menguruskan harta.



(1 & 2 = Wali Mujbir)
(3 – 13 = Wali Bukan Mujbir)

Sebab-sebab Perpindahan Wali Nasab kepada Wali Hakim:

- 1.Tidak mempunyai wali nasab.
- 2.Wali nasab berada jauh melebihi 2 marhalah.
- 3.Wali hilang dan tidak dapat dikesan.
- 4.Saudara baru (Muallaf) yang tiada wali nasab yang layak.
- 5.Anak tidak sah taraf.
- 6.Wali dalam ihram haji atau umrah.
- 7.Wali enggan mewalikan pernikahan.
- 8.Wali sendiri yang hendak berkahwin dengan perempuan tersebut dan tiada wali lain yang setaraf (sepupu lelaki yang akan mengahwini sepupu perempuan).

Keistimewaan BAPA sebagai wali



Wali mujbir

Wali dalam perkahwinan terbahagi kepada **wali mujbir** dan **wali ikhtiyar**. Wali mujbir ialah bapa dan datuk sebelah bapa sahaja. Wali mujbir hanya boleh mengahwinkan anak dara sama ada kanak-kanak atau dewasa dan berakal atau gila tanpa izinnya dan kerelaannya.

Berbeza pula sekiranya anak perempuan tersebut adalah **seorang janda**. Janda tidak boleh dikahwinkan tanpa keizinannya atau kerelaannya walaupun wali tersebut ialah bapanya sendiri. Hal ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW:

لَا تُنْكِحُ الْأَيْمَمَ حَتَّىٰ سُسْتَامَرَ، وَلَا تُنْكِحُ الْبُكْرَ حَتَّىٰ سُسْتَادَنَ». قالوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَكَيْفَ إِذْنُهَا؟ قَالَ: «أَنْ تَسْكُتَ»

Maksudnya: "Janganlah dikahwinkan janda sehingga diminta persetujuannya dan janganlah dikahwinkan anak dara sehingga diminta izinnya." Para sahabat bertanya, "Bagaimana mengetahui keizinannya?" Rasulullah SAW bersabda: "Dia diam" Riwayat al-Bukhari (5136) dan Muslim (1419)

Penyusuan (Haram selamanya)

1. Ibu susuan.
2. Ibu bagi ibu susuan dan ke atas.
3. Ibu bagi suami ibu susuan dan ke atas.
4. Anak-anak ibu susuan.
5. Adik-beradik susuan.
6. Anak saudara daripada adik-beradik susuan.
7. Adik-beradik ibu susuan.
8. Adik beradik bagi suami ibu susuan.

HAK WALI MUJBIR TERHADAP ANAK

Wali mujbir lebih mengetahui maslahah anak perempuan tersebut dan wujudnya perasaan kasih sayang terhadapnya.

Walau bagaimanapun, memaksa anak perempuan yang masih dara untuk berkahwin dengan pilihan wali adalah tidak afdal.

Bahkan afdal dan sunat meminta izin untuk mengahwininya sebagai penghormatan dan menyedapkan hati.

Justeru seorang wali mujbir yang mengahwinkan anak perempuannya perlulah menepati syarat yang berikut:

- Tidak terdapat permusuhan yang nyata antara wali dan anak perempuan yang diwalikannya.
- Bakal suami yang dipilih mestilah sekufu.
- Bakal suami berkeupayaan menyerahkan mas kahwin dengan segera.

Wanita yang haram dikahwini

1. Ibu.
2. Nenek dan ke atas.
3. Anak perempuan.
4. Cucu perempuan.
5. Adik-beradik perempuan seibu sebapa atau sebapa atau seibu.
6. Anak perempuan daripada adik-beradik lelaki atau adik-beradik perempuan sama ada seibu sebapa, sebapa atau seibu.
7. Ibu saudara.
8. Nenek saudara

Wanita yang haram dikahwini

Persemendaan (Haram selamanya)

- 1.Ibu tiri dan ke atas.
- 2.Ibu mentua (nasab atau susuan).
- 3.Anak tiri apabila ibunya telah disetubuhi.
- 4.Menantu perempuan dan ke bawah.

Definisi mahar / mas kahwin

Pemberian yang bernilai atau berfaedah wajib diberikan oleh suami kepada isterinya dengan sebab akad nikah.

Hukum mahar

Hukum pemberian mas kahwin adalah **WAJIB** dalam sesebuah perkahwinan.

Hukum menyebut mahar

Hukum menyebut mas kahwin / mahar dalam akad adalah **SUNAT**.

Kadar mahar

Mahar tidak mempunyai kadar yang tertentu dan tidak semestinya dalam bentuk tunai.

Bentuk mahar

Bentuk Mahar : Sesuatu yang bernilai atau berfaedah, sah dijadikan mahar seperti duit dan emas.



MAHAR MISIL

Mahar yang dinilai mengikut mas kahwin saudara-saudara perempuan yang telah berkahwin lebih dahulu. Ia juga hendaklah dinilai sama dengan mas kahwin keluarganya yang paling dekat sekali seperti kakak, ibu saudaranya. Seterusnya menilaikan keadaan perempuan itu sendiri dari segi kecantikan, kekayaan, pelajaran dan sebagainya.



Hikmah disyariatkan mahar / mas kahwin

a) Suami memberikan hadiah kepada isterinya sebagai melambangkan kesetiaan dan kesungguhan azamnya pada masa hadapan. Ia juga merupakan niat baik suami terhadap isteri.

b) Oleh kerana akad nikah itu telah memberi kuasa kepada suami terhadap isterinya, maka eloklah pihak suami memberi benda yang boleh mendatangkan kesenangan dalam jiwa isteri, iaitu merasa mendapat perhatian yang berat daripada suaminya.

c) Mahar itu merupakan penghormatan seorang suami kepada isterinya.

"Tidak ada cinta antara dua jiwa yang lebih besar daripada cinta antara pasangan." – Tafsir Ibn Kathir 3/525.



Talak

Pengertian talak

- » **BAHASA**: Cerai atau melepaskan ikatan.
- » **SYARAK**: Merungkaikan ikatan perkahwinan dengan lafaz talak, cerai atau yang mengandungi makna kedua-duanya.

! Talak boleh berlaku melalui

- i) **Lafaz yang soreh** (jelas/ terang) maksudnya dan tidak perlu niat cerai dalam hati suami. Contohnya: Engkau tertalak/ Aku ceraikan engkau.
- ii) **Lafaz kinayah**/ tidak jelas maksudnya/ tidak soreh (yang membawa maksud selain talak) dan perlu niat cerai dalam hati suami. Contohnya: Engkau bebas/ Baliklah ke rumah orang tua engkau/ Aku sudah jemu dengan kamu.
- iii) **Isyarat** yang difahami bagi suami yang tidak dapat bertutur.
- iv) **Suami wakilkan kepada orang lain**
- v) **Taklik (syarat)** iaitu menggantungkan jatuhnya talak dengan syarat-syarat tertentu seperti kata suami: "Engkau tertalak apabila engkau meninggalkan sembahyang." Jika isteri meninggalkan sembahyang, maka jatuhnya talak.
- vi) **Menulis surat/ email/ sms/ whatapps/ telegram** dan sebagainya.

Talak diharuskan sebagai **langkah penyelesaian terakhir** bagi mengatasi masalah rumah tangga. Ia adalah **hak suami untuk membatalkan ikatan perkahwinan** dan tidak memerlukan saksi.

HADIS RASULULLAH SAW

Daripada Ibnu Umar RA, daripada Nabi SAW, Baginda bersabda: "Perkara halal yang dibenci oleh Allah SWT ialah talak" [HR Abu Daud dan Ibnu Majah]


Daripada Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW, Baginda bersabda: "Berkahwinlah kamu dan janganlah kamu bercerai. Sesungguhnya Allah benci lelaki dan perempuan yang cepat kahwin dan terburu-buru cerai."



Rukun Talak

- 1 Suami
- 2 Isteri
- 3 Lafaz talak





Hukum Menjatuhkan

TALAK

WAJIB

1. Melakukan kezaliman sehingga mengancam keselamatan.
2. Apabila berlaku syiqaq di antara suami dan isteri yang tidak dapat didamaikan setelah melalui proses hakam oleh mahkamah.
3. Apabila suami melafazkan ila' kepada isterinya dan suami masih tetap dengan sumpahnya selepas tamat tempoh empat bulan (tertakluk kepada syarat-syarat tertentu).
4. Apabila suami tidak mampu (lemah) menyempurnakan hak isteri.

HARAM

1. Talak dilafaz pada waktu yang diharamkan seperti pada waktu isteri sedang haid, hamil atau nifas.
2. Menceraikan isteri dengan talak 3 sekaligus.
3. Isteri dalam keadaan suci daripada haid/nifas tetapi telah dicampuri ketika suci itu.
4. Bertujuan menganiaya isteri seperti untuk menghalang isteri daripada mendapat harta pusaka.

SUNAT

Apabila isteri memiliki perangai yang buruk dan tiada cara yang dapat memperbaikinya.

MAKRUH

Menceraikan isteri tanpa sebab.
Menceraikan isteri yang solehan.

Syarat-syarat sah

TALAK

Syarat suami yang sah menjatuhkan talak

- Tidak dipaksa iaitu dengan kemahuannya sendiri.
- Berakal: tidak sah jika suami pengsan/gila/nyanyuk/mabuk yang tidak disengajakan.
- Baligh

Syarat isteri yang sah dijatuhkan talak

- Akad nikahnya sah/dalam kekuasaan suaminya/masih isteri.
- Isterinya tidak semestinya baligh ketika diceraikan.

Syarat lafaz talak

- Mempunyai maksud penceraian sama ada lafaz itu soreh atau kinayah.

ATTENTION PLEASE!


Talak yang dibuat secara bergurau atau berlakon adalah SAH.

Talak yang dilakukan ketika mabuk yang disengajakan adalah SAH.



Hikmah & Kesan

TALAK



HIKMAH TALAK

- ✓ Memberi peluang kepada pasangan yang tiada persefahaman untuk berpisah bagi memulakan kehidupan baru.
- ✓ Pencerian memberi pengalaman dan pengajaran pahit kepada suami dan isteri. Mereka akan sedar dan insaf akan kelemahan masing-masing. Seterusnya akan memperbaiki diri pada kehidupan berumahtangga pada masa akan datang.
- ✓ Boleh mengurangkan tekanan perasaan/ memberi ketenteraman jiwa kepada kedua-dua pihak. Contohnya kerana terdapat perkara yang tidak dapat diatasi seperti ketiadaan zuriat, talak memberi peluang kepada mereka melepaskan diri daripada keadaan tersebut.

KESAN TALAK



KESAN TERHADAP SUAMI

Putus ikatan perkahwinan/ berpisah dengan isteri.

Maruah diri terjejas.

Berpisah dengan anak-anak sekiranya hak penjagaan anak diberi kepada isteri.

KESAN TERHADAP ISTERI

Putus ikatan perkahwinan/ berpisah dengan suami.

Hilang sumber pendapatan, tempat bermanja dan berlindung.

Berpisah dengan anak-anak sekiranya hak penjagaan anak diberi kepada suami.

Jiwa tidak tenteram dan takut untuk berkahwin lagi.

KESAN TERHADAP ANAK

Terpaksa berpisah dan hilang kasih sayang daripada ibu dan bapa.

Rasa kecewa dan tertekan.

Mudah terjebak dengan masalah sosial jika diabaikan.

KESAN TERHADAP MASYARAKAT

Penyakit sosial merebak dalam masyarakat kerana terdapat ramai anak-anak yang terbiar tanpa kasih sayang.

Andaikan ada rakan anda yang diuji ibu-bapa mereka terlibat dengan penceraian. Apakah nasihat yang boleh anda sampaikan kepada mereka?



Talak Dari Aspek

HUKUM & KESAN

TALAK DARI ASPEK HUKUM

TALAK SUNNI

Talak yang sesuai dengan peraturan syarak.

Menceraikan isteri dengan talak satu atau dua ketika isteri suci daripada haid, nifas dan tidak disetubuh ketika suci itu.

Maksudnya: Wahai Nabi! Apabila kamu (dan umatmu) hendak menceraikan isteri-isteri kamu maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan iddah."

TALAK SUNNI

Talak yang menyalahi peraturan syarak.

Suami menceraikan isterinya ketika:

1. Haid
2. Nifas
3. Hamil
4. Suci daripada haid dan nifas tetapi telah disetubuh ketika suci itu.
5. Talak 3 sekaligus

Hukumnya haram tetapi talak sah dan tetap jatuh.

BAIN SUGHRA

- Talak yang tidak membolehkan suami merujuk isterinya kecuali dengan akad dan mahar yang baru.
- Fasakh
- Khuluk
- Talak Raj'ie yang tamat iddah.
- Talak tanpa dicampuri.

Talak yang diharuskan dalam Islam hendaklah dilaksanakan dengan penuh kesedaran dan rasa belas kasihan.

TALAK DARI ASPEK KESAN

TALAK RAJ'IE


- Talak 1 atau 2 yang belum tamat iddah
- Suami berhak rujuk
- Tidak perlu akad baru
- Tidak perlu mahar baru
- Tidak perlu minta persetujuan isteri

TALAK BAIN / PUTUS

BAIN KUBRA

Talak tiga yang mengharamkan bekas suami berkahwin semula dengan bekas isterinya kecuali setelah bekas isterinya berkahwin dengan lelaki lain, dicampuri dan diceraikan.

1. Isteri berkahwin dengan lelaki lain setelah tamat iddah dengan suami.
2. Dicampuri oleh suami baru. Diceraikan oleh suami baru. Menjalani iddah dengan suami baharu.



Bilangan

TALAK

Bilangan talak yang dibenarkan dalam Islam ialah 3 kali.

الطلاق مرتانٌ فِي مُسَارٍ كِبِيرٍ وَ تَسْرِيجٍ بِإِحْسَانٍ ...
Maksudnya: "Talak (yang hanya boleh dirujuk semula hanya) dua kali. Sesudah itu dia boleh (rujuk) dan memegang terus (isterinya) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskannya (menceraikannya) dengan cara yang baik." [Surah al-Baqarah: ayat 229]



Info

Suami yang merdeka memiliki tiga kuasa talak. Manakala suami yang berstatus hamba pula memiliki hanya dua kuasa talak sahaja.

TALAK 1

Suami menceraikan isteri dengan talak satu atau penceraian kali pertama berlaku dalam rumah tangga. Dalam tempoh iddah suami berhak merujuk.

TALAK 2

Suami menceraikan isteri dengan talak dua atau penceraian kali kedua berlaku dalam rumah tangga. Dalam tempoh iddah suami berhak merujuk.

TALAK 3

Suami menceraikan isteri dengan talak tiga atau penceraian kali ketiga dalam rumah tangga. Ini dinamakan talak bain kubra. Suami tidak sah merujuk atau berkahwin semula dengan bekas isterinya kecuali setelah memenuhi syarat-syarat tertentu (rujuk huriaian sebelum ini).

Talak

TAKLIK



Taklik Biasa

Talak yang dilafazkan dalam keadaan biasa seperti suami berkata kepada isterinya: "Jika engkau keluar dari rumah ini maka tertalak dengan talak satu."


Talak ini berlaku apabila isteri keluar daripada rumah suaminya.

Disebabkan talak taklik ini dikaitan dengan khuluk, suami tidak boleh merujuk isteri kecuali dengan **akad dan mahar yang baru**.

Penetapan taklik secara khuluk dalam surat akuan adalah bertujuan untuk menghindari pihak isteri daripada ditindas oleh suaminya.



Lafaz Taklik



C C C C C C C C C C C C

Taklik Secara Khuluk

Bentuk taklik yang dilafazkan sekarang di sesetengah negeri di Malaysia. Contohnya:

Surat Akuan Nikah Negeri Johor

'Manakala saya tinggalkan isteri saya selama empat bulan hijrah berturut-turut atau lebih dengan sengaja atau paksa dan saya atau wakil saya tiada memberi nafkah kepadanya selama masa yang tersebut padahal dia taatkan saya atau saya melakukan sebarang mudarat kepada tubuh badannya atau kehormatannya atau harta bendanya kemudian dia mengadu kepada kadi dan manakala sabit aduan-aduannya di sisi Kadi atau Mahkamah Syariah dan dia memberi kepada Kadi bagi pihak saya RM1.00. Maka pada ketika itu tertalaklah dia dengan talak khuluk.'

Surat Akuan Nikah Negeri Terengganu

'Tiap-tiap kali saya tiada sekedudukan dengan isteri saya (sebutkan nama isteri) yang tersebut itu bagi tempoh 4 bulan dengan tidak putus-putus sama ada saya meninggalkannya atau dia meninggalkan saya dengan ikhtiar atau paksa dan tatkala mengadu kepada Kadi atau naib Kadi dan tatkala sabit pada sisinya di atas ketidaaan sekedudukan selama itu maka tertalaklah isteri saya (sebut nama isteri) itu dengan talak satu.'

FASAKH

Fasakh adalah hak suami dan isteri untuk membatalkan ikatan perkahwinan.

Hukum Fasakh adalah HARUS. Ia adalah Talak Bain Sughra.

Isteri tidak perlu menjalani iddah sekiranya ingin berkahwin semula dengan bekas suaminya tetapi wajib menjalani iddah sekiranya dia ingin berkahwin dengan lelaki lain.

Iddah



Tempoh menunggu yang ditetapkan bagi wanita yang telah bercerai atau menjadi balu sebelum mereka dibenarkan untuk berkahwin semula.

DEFINISI

Dari segi bahasa: Batal


Dari segi syarak: Pembatalan ikatan

perkahwinan disebabkan syarat-syarat yang tidak dipenuhi semasa akad atau disebabkan oleh masalah yang berlaku dalam rumah tangga /

Pembatalan ikatan perkahwinan melalui kuasa kadi.

Sebab-Sebab

FASAKH



- 1 Suami tidak mampu memberi nafkah zahir atau batin kepada isteri. Ini disebabkan nafkah merupakan tanggungjawab suami yang paling penting. Jika suami tidak dapat menunaikan nafkah isteri akan berada dalam kemudarat.
- 2 Suami berpenyakit yang sukar diubati seperti mati pucuk, sopak, kusta dan AIDS. Isteri dibolehkan menuntut fasakh untuk mengelakkan kemudarat yang bakal dihadapi.
- 3 Suami melakukan kezaliman terhadap isteri seperti memukul dan mengancam.
- 4 Suami hilang
 - Mazhab Hanbali:** Suami hilang setelah 6 bulan. (Ini mengikut amalan Saidina Umar al-Khattab RA)
 - Mazhab Maliki:** Suami hilang setelah setahun.
 - Mazhab Syafie:** Suami hilang setelah empat tahun.
- 5 Murtad. Apabila suami atau isteri murtad, perkahwinan akan terbubar serta merta kerana Islam merupakan salah satu syarat sah perkahwinan.




Dalam hal-hal tertentu suami isteri wajib membatalkan perkahwinan mereka apabila mendapat perkahwinan tidak sah disebabkan ada hubungan nasab, susuan atau persemedaan yang tidak diketahui sebelum akad nikah.

Prosedur Tuntutan

FASAKH


- 1 Isteri menuntut fasakh daripada kadi.
- 2 Pihak mahkamah akan menyiasat alasan dan bukti yang dikemukakan oleh pihak isteri.
- 3 Jika sabit kesalahan dan tiada jalan untuk perdamaian, mahkamah akan membubarkan perkahwinan mereka.

Mengikut prosedur yang diamalkan di Malaysia, suami dan isteri yang ingin membuat tuntutan fasakh perlu mengemukakan borang permohonan atau penyata tuntutan atau kedua-duanya sekali (bergantung kepada negeri). Kes akan didaftarkan untuk perbicaraan. Sekiranya permohonan tersebut diluluskan oleh Mahkamah Syariah maka fasakh tersebut akan didaftarkan. Sebaliknya jika permohonan itu ditolak, maka kes tersebut akan ditutup.



Kesan & Hikmah

FASAKH



Kesan Fasakh


- » Berpisah suami isteri.
- » Suami isteri tidak sah rujuk dalam tempoh iddah. Mereka perlu berkahwin semula sekiranya ingin bersama semula. Isteri tidak berhak mendapat nafkah dalam tempoh iddah.
- » Anak-anak berpisah dengan ibu atau bapa mereka. Ini akan menyebabkan terjejas kasih sayang antara mereka.

Hikmah Fasakh

- » Memberi peluang kepada isteri membuat tuntutan pembatalan perkahwinan.
- » Mengelakkan kemudarat yang bakal ditanggung oleh isteri sekiranya ikatan perkahwinan diteruskan.
- » Mengelakkan isteri daripada nusyuz.
- » Memberi peluang kepada isteri memilih cara hidup sendiri.
- » Peringatan kepada suami agar bertanggungjawab dalam menunaikan hak-hak isteri dan keluarga.
- » Menghindarkan suasana yang tidak baik terhadap perkembangan fizikal, mental dan emosi anak-anak.
- » Menyelamatkan akidah isteri dan anak-anak disebabkan suami murtad.

Perbezaan

FASAKH & TALAK



BIL.	FASAKH	TALAK
1.	Pembatalan ikatan perkahwinan dengan kuasa kadi disebabkan syarat-syarat yang tidak dipenuhi semasa akad atau adanya perkara-perkara yang berlaku dalam rumah tangga.	Merungkaikan ikatan perkahwinan dengan lafadz talak, cerai atau yang mengandungi makna kedua-duanya.
2.	Hak suami dan isteri	Hak suami sahaja.
3.	Gugur dengan sebab	Gugur tanpa sebab.
4.	Tidak sah rujuk dalam iddah	Sah rujuk jika dalam iddah raj'ie.
5.	Isteri tidak berhak mendapat nafkah dalam iddah.	Isteri berhak mendapat nafkah dalam iddah.
6.	Tiada bilangan	Ada 3 bilangan.
7.	Kuasa kadi	Kuasa suami

KHULUK

DEFINISI

- Dari segi bahasa: Mencabut atau menanggalkan.
- Dari segi syarak: Tebus talak atau penceraian antara suami isteri dengan lafaz talak atau khuluk di mana kedua-dua lafaz tersebut dikaitkan dengan bayaran tertentu.

ISU PENTING TENTANG KHULUK



- Isteri membayar gantirugi atau memulangkan kembali mahar dan segala yang diterima semasa akad.
- Khuluk adalah hak isteri untuk membebaskan diri daripada ikatan perkahwinan.
- Hukumnya HARUS apabila isteri berasa tidak sesuai dengan suami. Dia takut berlaku derhaka sedangkan suami tidak mahu menceraikannya.

- ✓ Khuluk tidak mengurangi bilangan talak suami.
- ✓ Khuluk tidak boleh dipaksa. Jika suami enggan melakukan khuluk, kadi boleh bertindak.

Contoh lafaz khuluk: Isteri meminta... diceraikan dengan tebus talak sebanyak RM1000.00. Suami berkata: "Aku talak engkau dengan bayaran sebanyak itu."

- ✓ Apabila khuluk berlaku suami tidak sah merujuk isterinya dalam tempoh iddat. Mereka boleh berkahwin semula dengan akad dan mahar yang baru.
- ✓ Isteri boleh melakukan khuluk dengan mengadakan tebusan dalam bentuk mata wang atau barang yang jelas sifatnya, halal dan bermanfaat seperti rumah, tanah dan seumpamanya.


Peristiwa khuluk zaman Rasulullah SAW

Maksud hadis Rasulullah SAW: Dari pada Ibnu Abbas RA bahawa isteri Tsabit bin Qais telah bertemu Rasulullah SAW dan berkata: "Wahai Rasulullah! Saya tidak mencela Tsabit bin Qais dari segi perangai dan pegangan agamanya, tetapi saya tidak mahu menjadi kufur setelah memeluk Islam."

Sabda Rasulullah SAW: "Adakah kamu bersedia mengembalikan kebunnya yang diberikan kepada kamu sebagai mas kahwin?"
Jawabnya: "Ya!"

Baginda kemudian bersabda kepada Tsabit bin Qais: "Terimalah kembali kebun itu dan ceraikanlah dia dengan talak satu."

[HR Bukhari dan An-Nasai]



Persamaan & Perbezaan

KHULUK & FASAKH

PERSAMAAN

1. Tempoh iddah 3 kali suci.
2. Tiada nafkah dalam iddah.
3. Tidak sah rujuk dengan suami dalam tempoh iddah.

PERBEZAAN

Maksud

Khuluk: Tebus talak/ penceraian antara suami isteri dengan lafaz talak atau khuluk dan lafaz keduanya dikaitkan dengan bayaran tertentu.

Fasakh: Pembatalan ikatan perkahwinan disebabkan syarat-syarat yang tidak dipenuhi semasa akad atau disebabkan oleh masalah yang berlaku dalam rumah tangga/ Pembatalan ikatan perkahwinan melalui kuasa kadi.

Hak

Khuluk: Hak isteri sahaja.

Fasakh: Hak suami dan isteri



Tebusan

Khuluk: Ada bayaran tertentu
 Fasakh: Tiada bayaran

Faktor

Khuluk: Isteri berasa tidak sesuai dengan suami. Dia takut derhaka sedangkan suami tidak mahu menceraikannya.

Fasakh: Suami ada kelemahan tertentu seperti tidak memberi nafkah zahir dan batin dan seumpamanya.



Persamaan & Perbezaan

KHULUK & TALAK



Maksud

Khuluk: Tebus talak/ penceraihan antara suami isteri dengan lafaz talak atau khuluk dan lafaz keduanya dikaitkan dengan bayaran tertentu.

Talak: Merungkaikan ikatan perkahwinan dengan lafaz talak, cerai atau yang mengandungi makna kedua-duanya.

Nafkah

Khuluk: Tiada nafkah dalam iddah.

Talak: Ada nafkah dalam iddah.

Tebusan

Khuluk: Ada bayaran tertentu.

Talak: Tiada bayaran.

Hak

Khuluk: Hak isteri sahaja.

Talak: Hak suami dan isteri.

Keadaan

Khuluk: Gugur dengan sebab permintaan isteri.

Talak: Gugur tanpa sebab.

Rujuk


Khuluk: Tidak sah rujuk dalam iddah.
Perlu kepada akad dan mahar baharu.

Talak: Sah rujuk dalam iddah talak raj'e.
Tidak perlu akad dan mahar baru.

Bilangan

Khuluk: Tiada bilangan.

Talak: Ada tiga bilangan.



Li'an: Membela maruah

SUAMI & ISTERI

DEFINISI

Definisi li'an dari **sudut bahasa** adalah laknat.

Sudut syarak

✓ Sumpah suami yang disertakan dengan laknat daripada Allah SWT untuk menolak hukuman qazaf disebabkan tuduhan zina terhadap isteri atau menafikan nasab.

✓ Sumpah isteri yang disertakan dengan kemurkaan Allah SWT untuk menolak tuduhan zina suaminya.

Lafaz li'an suami

1 SUAMI bersumpah di hadapan hakim sebanyak 4 kali berturut-turut dengan lafaz: "Aku bersaksi dengan nama Allah bahawa tuduhan zina terhadap isteriku adalah benar."

2 Pada sumpahan yang kelima, suami bersumpah dengan lafaz: "Sesungguhnya laknat Allah akan menimpaku jika aku berdusta dalam membuat tuduhan zina terhadap isteriku."

Apabila suami menuduh isterinya berzina atau menafikan keturunan anaknya tanpa saksi yang cukup dan isterinya menolak tuduhan tersebut serta menuntut dilaksanakan hukuman qazaf terhadap suaminya, hakim memerintahkan supaya dilakukan proses li'an.

Sebab berlaku li'an

✓ Suami menuduh isterinya berzina atau suami menafikan anak yang dilahirkan isterinya adalah dari keturunannya. Oleh kerana suami tidak ada empat orang saksi, maka suami dibenarkan bersumpah li'an untuk mengelakkannya dikenakan hukuman qazaf iaitu 80 kali sebat.

✓ Isteri pula hendaklah bersumpah li'an bagi menolak tuduhan suaminya jika isteri tidak mengaku bersalah.

✓ Jika dakwaan suami benar berdasarkan empat orang saksi, isteri akan dikenakan hukuman zina iaitu rejam dengan batu sampai mati.

Proses

LI'AN

Lafaz li'an isteri

1 ISTERI bersumpah di hadapan hakim sebanyak 4 kali berturut-turut dengan lafaz: "Aku bersumpah dengan nama Allah bahawa tuduhan zina yang dibuat oleh suamiku terhadap diriku adalah dusta."

2 Pada sumpahan yang kelima: "Sesungguhnya kemurkaan Allah akan menimpaku jika tuduhan suamiku benar."



Rukun Li'an



1. Suami
2. Isteri
3. Lafaz li'an
4. Sebab berlaku li'an

Kesan Li'an Terhadap SUAMI & ISTERI



- » Suami isteri **tercerai** selepas sumpah li'an.
- » Mereka **tidak sah dan haram berkahwin** semula buat selama-lamanya.
- » Suami yang **membuat tuduhan dilepaskan** daripada hukuman qazaf 80 kali sebatan.
- » Isteri yang **membuat sumpah li'an** akan **terlepas** daripada hukuman rejam sampai mati.
- » Isteri akan dikenakan **hukuman zina** iaitu rejam dengan batu sampai mati jika tidak menolak tuduhan suaminya dengan sumpah li'an.
- » Isteri **tidak akan mendapat apa-apa nafkah** daripada suaminya.
- » Anak yang dinafikan dalam sumpah li'an **termafik** **nasabnya** daripada suami yang bersumpah.
- » Isteri **berhak menuntut nafkah** anak jika suami **tidak menafikan nasabnya**.
- » Suami atau isteri **tidak akan mendapat harta pusaka** sekiranya berlaku kematian salah seorang daripada keduanya selepas proses li'an.

Hikmah Li'an

1. Suami dapat mencari jalan penyelesaian secara adil dan direhui Allah SWT.
2. Isteri dapat menjaga maruahnya daripada tercemar dengan melakukan sumpah li'an.
3. Suami dapat mempertahankan kesucian nasabnya daripada dicemari oleh isteri yang melakukan perbuatan zina.

Cara Mencegah Berlaku Li'an

1. Suami dan isteri hendaklah mengamalkan pergaulan yang sihat.
2. Suami dan isteri hendaklah melaksanakan tanggungjawab keluarga dengan sempurna.
3. Suami hendaklah berhati-hati sebelum membuat tuduhan berat terhadap isteri.

Perbezaan

LI'AN & QAZAF


LI'AN

- ① Proses sumpah yang mengakibatkan perpisahan suami isteri disebabkan sumpah dengan nama Allah SWT oleh suami yang menuduh isterinya berzina atau menafikan nasabnya.
- ② Suami isteri sahaja.
- ③ Tidak dikenakan sebat.
- ④ Terpisah buat selama-lamanya.
- ⑤ Bersumpah dengan nama Allah sebanyak 5 kali.
- ⑥ Tidak memerlukan 4 orang saksi.

QAZAF

- ① Menuduh perempuan baik melakukan zina tanpa 4 orang saksi yang adil.
- ② Mana-mana lelaki.
- ③ Sebat 80 kali.
- ④ Hubungan suami isteri tidak terpisah.
- ⑤ Tiada lafaz sumpah.
- ⑥ Memerlukan 4 orang saksi lelaki yang adil.

PERKARA SUNAT DALAM PROSES LI'AN



- ① Hakim mengingatkan suami isteri tersebut tentang azab Allah SWT pada hari akhirat yang bakal dihadapi jika mereka berdusta.
- ② Suami bangun ketika lafaz li'an sementara isteri duduk dan begitulah sebaliknya.
- ③ Dilakukan di hadapan orang ramai.



Zihar

AMALAN MASYARAKAT JAHILIYAH



DEFINISI

Bahasa: Belakang = الظهر

Syarak: Suami menyamakan isterinya atau mana-mana anggota isteri dengan ibunya atau mana-mana perempuan mahram bagi suami.



KISAH ZAMAN RASULULLAH

Aus bin Somit RA telah berkata kepada isterinya Khaulah binti Malik bin Tsa'labah. Engkau bagiku seperti belakang ibuku. Perkataan seperti ini jika dilafazkan pada zaman jahiliyah, maka isteri itu haram disetubuh. Setelah menyesal atas ucapannya, Aus mengajak isterinya bersetubuh tetapi ditolak oleh Khaulah sehingga mereka mendapat penjelasan daripada Rasulullah SAW. Baginda menyatakan bahawa perbuatan tersebut adalah HARAM dan BERDOSA BESAR. Khaulah meminta jalan penyelesaian daripada Baginda SAW. Kemudian turunlah ayat 2 Surah al-Mujadalah menyelesaikan masalah tersebut.

DALIL PENGHARAMAN ZIHAR

الَّذِينَ يُظْهِرُونَ مِنْكُمْ مَنْ نِسَاءِهِمْ مَا هُنَّ أَمْهَتُهُمْ إِنْ أَمْهَتُهُمْ إِلَّا أَنَّهُنَّ
وَلَدُنَّهُمْ وَإِنَّهُمْ لِيَقُولُونَ مُنْكَرًا مِنَ الْقَوْلِ وَزُورًا وَإِنَّ اللَّهَ لَعَفُوٌ غَفُورٌ

MALAY

Orang-orang yang "ziharkan" isterinya dari kalangan kamu (adalah orang-orang yang bersalah, kerana) isteri-isteri mereka bukanlah ibu-ibu mereka. Ibu-ibu mereka tidak lain hanyalah perempuan-perempuan yang melahirkan mereka. Dan sesungguhnya mereka (dengan melakukan yang demikian) memperkatakan suatu perkara yang mungkar dan dusta. Dan (ingatlah), sesungguhnya Allah Maha Pemaaf, lagi Maha Pengampun.


✓ Perkataan zihar (belakang) digunakan oleh orang-orang Arab sebagai kiasan bagi hubungan kelamin.

✓ Apabila suami melafazkan perkataan ini, dia telah menyamakan isterinya dengan mahramnya dari segi pengharaman hubungan kelamin (jimak).

✓ Contohnya kata suami: (انت علي كظهر امي) yang bererti: "Kamu haram bagiku seperti belakang ibuku."

✓ Ungkapan yang menyamakan anggota isteri dengan mahram dengan tujuan memuji dan menghormati tidak dianggap zihar. Contohnya: "Lembutnya tangan awak seperti lembutnya tangan ibu saya."

Kamu haram bagiku seperti belakang ibuku.



Rukun & Syarat

ZIHAR

1 Suami

BALIGH – Tidak sah zihar yang dilakukan oleh kanak-kanak.

BERAKAL – Tidak sah zihar yang dilakukan oleh orang gila.

SAH TALAK – Tidak sah zihar terhadap isteri yang berada dalam iddah talak bain.

KEMAHUAN SENDIRI – Tidak sah zihar yang dilakukan kerana terpaksa.

2 Isteri

ISTERI YANG SAH – Tidak sah zihar terhadap perempuan ajnabi (bukan isteri).

Zihar disandarkan kepada isterinya atau mana-mana anggota badan isteri.

3 Orang yang diserupakan

PEREMPUAN – Tidak sah terhadap lelaki atau khunsa

Perempuan yang Mahram dengan sebab nasab, penyusuan atau persemedaan.



Sighah & lafaz

④ Jika lafaz yang digunakan jelas dan khusus, tidak memerlukan kepada niat. Contohnya kata suami: "Engkau bagiku seperti belakang ibuku." Sebagai kiasan seperti hubungan kelamin.

Jika lafaz yang digunakan tidak jelas dan tidak khusus, ia memerlukan kepada niat seperti kata suami: "Engkau bagiku seperti mata atau kepala ibuku."



Lafaz zihar (soreh)

Lafaz zihar yang jelas, soreh dan khusus tidak perlu niat zihar dalam hati.



Anggota diziharkan

Belakang

Lafaz Zihar

Lafaz zihar (tidak soreh)

Lafaz yang tidak jelas atau tidak khusus dan tidak soreh yang memerlukan niat zihar dalam hati.



Anggota diziharkan

Anggota selain belakang seperti muka, tangan, kaki, jari dan sebagainya.

Kesan, Kifarah & Dalil

ZIHAR

DALIL KIFARAH ZIHAR

وَالَّذِينَ يُظْهِرُونَ مِنْ تِسَاءَرِهِمْ فَمُعَذِّبُونَ لِمَا قَالُوا فَتَحْرِيرُ رَقْبَةٍ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَتَمَاسَّ
دَلِيلٌ كُلُّ شَوْعَطْلُوتٍ بِهِ وَلَلَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَيْرٌ

فَإِنْ لَمْ يَجِدْ فَهُصِّامٌ شَهَرَيْنِ مُشَاتِعَيْنِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَتَمَاسَّ فَإِنْ لَمْ يَسْطِعْ فَلِطَاعَمٌ
سَيِّئَيْنِ وَمُشَكِّنَاتِ دَلِيلٍ لِتَوْمُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتَلِكَ حُذْوَرُ اللَّهِ وَالْكُفَّارِينَ
عَذَابٌ أَلِيمٌ

KESAN ZIHAR

Suami dan isteri HARAM melakukan persetubuhan.

Suami akan mendapat kemurkaan Allah SWT dan berdosa besar kerana mengharamkan perkara yang dihalalkan oleh Allah SWT.

Menjatuhkan maruah isteri.

Suami wajib membayar kifarah zihar.

KIFARAH ZIHAR

- 1 Memerdekakan seorang hamba mukmin.
- 2 Suami wajib berpuasa selama 2 bulan berturut-turut.
- 3 Suami wajib memberi makanan kepada 60 orang miskin dengan kadar secupak seorang makanan daripada jenis yang sah dizakatkan seperti beras.

CCCCCCCCCCCC

(3) Dan orang-orang yang "ziharkan" isterinya, kemudian mereka berbalik dari apa yang mereka ucapkan (bahawa isterinya itu haram kepadanya), maka hendaklah (suami itu) memerdekaan seorang hamba sebelum mereka berdua (suami isteri) bercampur. Dengan hukum yang demikian, kamu diberi pengajaran (supaya jangan mendekati perkara yang mungkar itu). Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya akan apa yang kamu lakukan.

(4) Kemudian, sesiapa yang tidak dapat (memerdekaan hamba), maka hendaklah ia berpuasa dua bulan berturut-turut sebelum mereka (suami isteri) itu bercampur. Akhirnya sesiapa yang tidak sanggup berpuasa, maka hendaklah ia memberi makan enam puluh orang miskin. Ditetapkan hukum itu untuk membuktikan iman kamu kepada Allah dan Rasul-Nya (dengan mematuhi perintah-Nya serta menjauhi adat Jahiliyah). Dan itulah batas-batas hukum Allah; dan bagi orang-orang yang kafir disediakan azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

Kifarah zihar mestilah dilaksanakan mengikut tertib.



Definisi

Bahasa: Derhaka atau ingkar.

Syarak: Keengganan isteri menunaikan kewajipan atau tanggungjawab terhadap suami tanpa alasan yang munasabah mengikut hukum syarak. Atau isteri yang menderhaka kepada suaminya tanpa keharusan syarak.



Hukum nusyuz adalah HARAM. Para malaikat melaknat isteri yang nusyuz.

Hadis Rasulullah SAW

Daripada Abu Hurairah RA: Sabda Rasulullah SAW: "Apabila seorang suami mengajak isterinya ke tempat tidur, dia enggan, lalu suaminya tidur dalam keadaan marah, para malaikat melaknat (isterinya) sampai ke subuh."

[HR Bukhari dan Muslim]



Sebab berlakunya nusyuz

Isteri jahil dalam ilmu agama.

Isteri tiada pengetahuan tentang hak dan tanggungjawab sebagai isteri.

Isteri bersikap mementingkan diri sendiri.

Isteri terpengaruh dengan persekitaran yang tidak baik.

Perkara atau situasi yang menyebabkan berlaku nusyuz

Isteri menolak ajakan suami ke tempat tidur (enggan bersetubuh).

Keluar rumah atau bermusafir tanpa izin suami tanpa sebab yang munasabah.

Melakukan kekasaran kepada suami sama ada melalui perbuatan dan perkataan.

Ingkar perintah suami yang tidak bercanggah dengan syarak.

Menbenarkan lelaki memasuki rumah semasa ketiadaan suami.

Isteri melakukan kecurangan terhadap suami.

Menurut Mazhab Syafie, isteri yang mengelak daripada melayan suaminya dengan berpuasa sunat dikira nusyuz.



Kesan-Kesan

NUSYUZ

Isteri



- Hilang hak mendapat nafkah.
- Hilang hak mendapat keadilan jika suami berpoligami seperti giliran malam.
- Hilang hak mendapat layanan baik, kasih sayang dan kerjasama daripada suami.
- Boleh mendapat fitnah dan imejnya tercemar.
- Dimurkai Allah SWT dan dilaknat malaikat.

Masyarakat



- Keutuhan masyarakat terjejas bila rumah tangga anggotanya tidak aman atau berlaku percerayaan.
- Masyarakat akan berpecah belah kerana keluarga yang harmoni tidak dapat dibina dalam sesebuah komuniti.

Suami



- Suami terasa hilang hak dan tercabar.
- Suami mungkin hilang pertimbangan seperti bertindak kasar untuk melepaskan kemarahannya.
- Imej suami tercemar.

Keluarga



- Anak-anak hilang hormat terhadap ibubapa.
- Boleh menyebabkan percerayaan.
- Suasana dalam rumah menjadi tegang.
- Anak-anak tertekan.



Adab Mendidik

ISTERI YANG NUSYUZ

Suami perlu mengambil langkah yang positif untuk memulihkan keadaan. Allah SWT mengajar para suami mendidik isteri dalam firman-Nya:

وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُورَهُنَّ فَعَظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ
وَاضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطْعَنْتُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْهِ
كَبِيرًا

- Maksudnya: "Dan wanita yang kamu bimbang melakukan nusyuz hendaklah kamu nasihati mereka. (Jika masih degil hendaklah) kamu berpisah dari tempat tidur mereka dan (jika masih degil hendaklah) kamu pukul mereka. Sekiranya mereka kembali taat janganlah kamu mencari alasan untuk menyusahkan mereka (dengan hukuman tersebut)." [An-Nisa: ayat 34]

2 Memisahkan tempat tidur

Jika langkah pertama tidak berjaya, suami hendaklah mengasingkan isteri dari tempat tidurnya. Langkah ini mudah-mudahan memberi kesan psikologi yang mendalam terhadap isteri.

3 Memukul dengan tujuan mendidik

Memukul dengan tujuan menginsafkannya.

Tidak menggunakan senjata yang berbahaya.

Tidak keterlaluan sehingga boleh mencacatkannya.

Tidak memukul pada anggota yang sensitif seperti muka dan perut.

1 Memberi nasihat dengan penuh hikmah

- Ingatkan isteri tentang tanggungjawab kepada Allah SWT, suami dan rumahtangga.
- Suami hendaklah memaafkan isteri.
- Suami hendaklah menunjukkan contoh teladan yang baik kepada isteri.




Langkah Perdamaian

Jika tiga langkah di atas gagal juga, suami hendaklah mencari jalan damai dengan memberitahu keluarga isteri atau orang tengah sebagai pendamai. Jika gagal juga, suami hendaklah mengadu kepada kadi supaya isteri dapat diberi kaunseling. Langkah terakhir ialah menjatuhkan talak kepada isteri.



Langkah-langkah

Mencegah Nusyuz



- Suami isteri hendaklah menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan sempurna.
- Suami dan isteri hendaklah berunding dan bertolak ansur apabila menghadapi masalah.
- Suami dan isteri hendaklah sentiasa peka terhadap keperluan masing-masing.
- Suami dan isteri hendaklah menghayati ajaran agama dengan sempurna.
- Bersikap terbuka dan mengelakkan sangkaan buruk terhadap pasangan.

Cara Mengelakkan Nusyuz

1. Sentiasa bersabar dengan masalah yang berlaku dalam rumah tangga.
2. Sentiasa taatkan suami selagi tidak bertentangan dengan hukum syarak.
3. Sentiasa ikhlas menjalankan tanggungjawab sebagai isteri.
4. Sentiasa memelihara maruah diri dan suami.
5. Sentiasa redha dengan kemampuan suami.

"Pernikahan adalah ibadah, dan setiap ibadah bermuara pada cinta-Nya sebagai tujuan. Sudah sewajarnya setiap upaya meraih cinta-Nya dilakukan dengan sukacita."



Iddah

Penantian Bagi Wanita

Pengertian Iddah

Bahasa: Tempoh pengiraan.

Syarak: Tempoh masa larangan berkahwin yang wajib dipatuhi oleh isteri selepas berpisah dengan suami.

Tujuan diwajibkan iddah

Tujuan diwajibkan iddah termasuklah menjaga kemaslahatan atau kepentingan suami isteri.

Suami mempunyai hak untuk rujuk jika iddah raj'ie dan isteri berpeluang membuat persediaan menghadapi kehidupan baru.

وَإِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ فَلْيَأْجُلْهُنَّ فَلَا تَعْضُلُوهُنَّ أَنْ يَنْكِحْنَ أَزْوَاجَهُنَّ إِذَا تَرَاضَوْا بَيْنَهُمْ بِالْمَعْرُوفِ ...

Maksudnya: Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu), lalu sampai (akhir) iddahnya, maka tahanlah mereka dengan cara yang baik, atau ceraikanlah mereka dengan cara yang baik.

[Surah al-Baqarah: ayat 231]



Iddah Disebabkan Talak (Cerai Hidup)

Hamil: Sehingga melahirkan anak.

Tidak hamil atau dalam haid: Tiga kali suci daripada haid / 3 kali quru'.

Tiada atau putus haid: 3 bulan

Belum disetubuhi: Tiada iddah

Iddah Disebabkan Kematian Suami

Hamil: Sehingga melahirkan anak.

Tidak hamil atau dalam haid: Empat bulan sepuluh hari.

Tiada atau putus haid: Empat bulan sepuluh hari

Belum disetubuhi: Empat bulan sepuluh hari.

Iddah wanita kematian suami adalah sebagai tanda kesedihan dan berkabung di atas kematian suami kerana isteri telah kehilangan tempat mengadu.



Hikmah Perbezaan & Hak Semasa dan Selepas

Tempoh Iddah

IDDAH BAGI PEREMPUAN BERCERAI MELALUI TALAK ATAU BERCERAI HIDUP

Tempoh iddah bercerai hidup selama 3 kali suci dapat membersihkan rahim perempuan daripada benih hasil hubungan dengan bekas suaminya.

Bagi perempuan hamil, tempoh iddahnya adalah sehingga melahirkan anak adalah cukup untuk menumpukan perhatian kepada penjagaan kesihatan dan kandungan.

IDDAH BAGI PEREMPUAN YANG BERCERAI MATI

Tempoh 4 bulan 10 hari sesuai bagi perempuan kematian suami sebagai tanda perkabungan dan kesedihan.

IDDAH BAGI PEREMPUAN YANG BELUM DISETUBUHI

Tiada tempoh iddah kerana rahim wanita yang belum disetubuhi adalah suci dan bersih daripada benih suaminya.


Islam adalah agama yang sangat adil dan sentiasa menjaga hak wanita.



Hak Semasa Iddah



Isteri yang diceraikan dengan talak satu atau dua (Iddah Raj'ie).



Hak Semasa Iddah

Isteri yang dalam tempoh iddah talak bain (tidak boleh dirujuk).

Talak Bain: Talak tiga.

Suami tidak lagi bertanggungjawab terhadapnya.

Tidak berhak mendapat nafkah.

Tidak berhak mendapat hak perwarisan menurut Jumhur Ulama'.

Suami tidak sah rujuk kecuali berkahwin semula dengan akad dan mahar yang baru.

Isteri kematian suami

- Berhak diberi tempat tinggal selama tempoh iddahnya oleh waris terdekat dengan si mati (suami).
- Berhak mendapat pusaka peninggalan suaminya.

Isteri yang diceraikan tanpa dicampuri oleh suaminya

Tidak berhak mendapat apa-apa daripada suami.

Hak Selepas Iddah

Isteri yang tamat tempoh iddah tidak lagi mempunyai hubungan dengan bekas suaminya. Dia bebas menentukan kehidupannya sendiri. Dia digelar janda (ثانية) dan berhak berkahwin semula dan sah dipinang oleh mana-mana lelaki yang ingin memperisterikannya.

Perkara Dilarang

Semasa Iddah

PEMINANGAN

» **Semasa tempoh iddah talak:** Diharamkan peminangan oleh lelaki lain secara terang atau soreh dan sindiran.

» **Semasa tempoh iddah kematian suami:** Diharamkan peminangan oleh lelaki lain secara terang tetapi diharuskan secara sindiran.

KELUAR DARI RUMAH YANG DISEDIAKAN SUAMI

» **Semasa tempoh iddah talak:** Haram keluar rumah tanpa keizinan suami kecuali keperluan yang dibenarkan oleh syarak seperti keluar bekerja.

» **Semasa tempoh iddah kematian suami:** Haram keluar dari rumah kecuali kerana keperluan yang dibenarkan syarak.

BERKAHWIN

» **Semasa tempoh iddah talak:** Diharamkan berkahwin dengan lelaki yang bukan bekas suaminya.

» **Semasa tempoh iddah kematian suami:** Diharamkan berkahwin.

MENGHIAS DIRI

» **Semasa tempoh iddah talak:** Dalam tempoh iddah raj'e diharuskan berhias diri (hanya untuk suami dan dilarang berhias untuk lelaki lain). Dalam tempoh iddah bain disunatkan tidak berhias diri.

» **Semasa tempoh iddah kematian suami:** Diharamkan berhias



Semua wanita muslim perlu memahami dan menjauhi segala larangan-larangan dalam iddah yang telah digariskan oleh ajaran Islam dan alam kehidupan.





Berhias Diri Dalam Tempoh Iddah



LARANGAN BERHIAS DIRI semasa iddah bagi wanita bukanlah bermaksud membiarkan diri tidak terurus seperti tidak menjaga kebersihan diri atau berpakaian kotor atau lusuh.

Larangan yang dimaksudkan ialah berhias diri secara berlebihan seperti memakai pakaian yang berwarna terang sehingga menarik perhatian kaum lelaki.

Iddah quru' atau suci: 3 kali suci daripada haid.

Iddah bulan : 3 bulan.

Iddah bersalin: Sehingga melahirkan anak.

Apakah perbezaan di antara 3 quru' (suci) dan 3 bulan?



Sebab- Sebab Iddah



Jenis- Jenis Iddah

1) Talak
2) Fasakh
3) Khuluk
4) Kematian suami
5) Persetubuhan syubhab iaitu wanita yang dicampuri disangka isterinya rupa-rupanya wanita lain.

Apakah perbezaan antara talak, fasakh dan khuluk?



Rujuk

Definisi Rujuk

Dari sudut bahasa: Kembali

Dari sudut syarak: Suami yang mengambil semula isteri yang telah diceraikan ke pangkuannya dalam tempoh iddah.



Rujuk adalah hak suami tetapi hanya boleh dilakukan terhadap isteri yang diceraikan dengan talak satu atau dua dan masih dalam tempoh iddah.

Rujuk secara bergurau adalah sah.

Dalil Rujuk

وَبُعْلَوْنَهُنَّ أَحَقُّ بِرَدْهَنَ فِي ذَلِكَ إِنْ أَزَادُوا إِصْلَاحًا

Maksudnya: Suami berhak merujuk isteri mereka dalam tempoh tersebut (iddah) sekiranya mereka mahu berdamai.

[Surah al-Baqarah: ayat 228]



Rukun Rujuk

Orang yang merujuk: Suami atau wakilnya.

Orang yang dirujuk: Isteri.

Lafaz rujuk atau sighah:

- “Aku rujuk engkau kembali” (soreh).
- “Aku pegang engkau kembali” (kinayah).

Pandangan Ulama Mazhab Hanafi

Ulama Mazhab Hanafi tidak meletakkan sighah sebagai rukun rujuk kerana mereka berpendapat rujuk boleh berlaku dengan setiap perbuatan yang tidak haram dilakukan bersama suami isteri seperti berkucupan dan melakukan persetubuhan.

Kaifiat (cara) perbuatan rujuk ialah suami melafazkan perkataan rujuk seperti di atas dan sunat disaksikan oleh dua orang saksi.

SUAMI

- i) Islam ii) Baligh iii) Berakal iv) Kemahuan sendiri

ISTERI

- i) Islam ii) Telah disetubuh oleh suami
- iii) Bukan penceraian fasakh iv) Bukan cerai khuluk
- v) Bukan dijatuhkan talak tiga vi) Masih dalam tempoh iddah rajie'.

SIGHAH

- i) Menggunakan lafaz rujuk seperti kata suami: “Aku rujuk engkau.” ii) Tidak bertaklik/ syarat. Jika suami berkata: “Aku rujuk jika engkau bersetuju...” Rujuk tersebut tidak sah. iii) Tidak ditentukan masa. Jika suami berkata: “Aku rujuk engkau selama tiga bulan..” Rujuk itu juga tidak sah.

Hukum Rujuk



WAJIB

Jika suami menceraikan salah seorang daripada isteri-isterinya dan dia belum menyempurnakan giliran malam untuk isteri yang telah diceraikan itu.

SUNAT

Sekiranya rujuk membawa kebahagiaan kepada isteri dan ahli keluarga yang lain.



MAKRUH

Jika perceraian merupakan solusi lebih baik daripada berbaik-baik semula. Seperti pasangan yang sentiasa bertelingkah jika terus bersama-sama dan mampu memberi kesan kepada kesihatan mental dan fizikal masing-masing.

HARAM

Jika rujuk mendatangkan kemudaran atau bertujuan menganiaya isteri. Seperti perbuatan rujuk dilakukan sebagai cara untuk membalas dendam dan mencederakan isteri.

Hikmah Disyariatkan Rujuk

Islam menggalakkan para suami yang melakukan talak supaya merujuk kembali isterinya jika persefahaman boleh dicapai.

Rasulullah SAW telah menceraikan Saidatina Hafrah RA, Baginda SAW telah diperintahkan Allah SWT melalui Malaikat Jibril AS supaya merujuk kembali Saidatina Hafrah RA kerana beliau seorang yang berakhlaq mulia dan beristiqamah melakukan ibadah seperti puasa dan qiamullail.

1

Bertepatan dengan fitrah manusia yang ingin kembali ke pangkal jalan apabila melakukan kesilapan.

2

Peluang menyatukan semula hubungan pasangan dengan keazaman dan sikap yang baru.

3

Kesempatan untuk memperbaiki kelemahan dan kesilapan yang lalu.

4

Dapat memberi ketenteraman jiwa kepada suami isteri.

5

Dapat menyatukan semula keluarga yang terpisah sebelumnya.



BAB 4

ISLAM DAN CABARAN SEMASA DI MALAYSIA

Oleh:

Norzira binti Ahmad

Azirah binti Seman

→ Topik ini mengupas tentang cabaran-cabaran yang dihadapi dalam dunia Islam khususnya di Malaysia.

→ Isu gejala keruntuhan akhlak dikupas secara mendalam dalam topik ini yang merangkumi faktor, kesan dan juga langkah mengatasinya.

→ Selain itu, para pelajar turut didedahkan dengan topik salah faham terhadap Islam seperti sekularisme, pluralisme, liberalisme dan juga ajaran sesat.

→ Topik ini diharapkan dapat mendidik para pelajar kepada cara hidup Islam yang sebenar dan menjadi panduan kepada mereka dalam menghadapi cabaran masa kini.

Gejala Keruntuhan

AKHLAK & MORAL

Definisi

Gejala merujuk kepada tanda-tanda (akan terjadinya sesuatu), alamat, petanda. (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Keruntuhan pula merujuk kepada perihal runtuh, kejatuhan, kerobohan dan kerosakan (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Moral pula bermaksud ajaran atau pegangan tentang baik buruk sesuatu perbuatan (kelakuan).

Bentuk gejala akhlak & moral

Antara bentuk gejala keruntuhan moral yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat kita ialah pergaulan bebas, seks bebas, penyalahgunaan dadah, lumba haram, rasuah, gangsterisme, kongsi gelap, merosakkan harta benda awam dan lain-lain lagi.

Faktor gejala moral

Perkembangan teknologi: Perkembangan teknologi yang terlalu pesat tanpa tapisan menyebabkan remaja mudah terdedah dengan perkara tidak senonoh seperti melayari laman web pornografi yang menyebabkan berlakunya pelbagai perbuatan buruk yang menyumbang kepada keruntuhan moral masyarakat.

Kurangnya perhatian dan didikan agama daripada ibu bapa: Disebabkan kesibukan mencari nafkah dan tanggungjawab mendidik anak digalas oleh orang lain seperti pengasuh.

Pengaruh rakan sebaya dalam kalangan remaja: Ini kerana sebahagian besar masa dan aktiviti para remaja adalah dihabiskan bersama rakan-rakan.

Kesan gejala keruntuhan moral & akhlak

Kesan terhadap individu dan keluarga

Timbul pelbagai konflik dengan diri, keluarga dan masyarakat. Keluarga akan terkesan dan mendapat malu dari perbuatan mereka.

Kesan terhadap masyarakat dan negara

Keharmonian negara terjejas dan sektor sosial, ekonomi dan pendidikan negara tidak dapat berkembang dengan baik dan mampan.



Cara Mengatasi Gejala Keruntuhan

AKHLAK & MORAL

PERANAN INDIVIDU

- Setiap individu memainkan peranan yang sangat signifikan bagi mengatasi masalah gejala keruntuhan moral yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat kita. Ini kerana setiap perkara yang berlaku adalah bermula daripada setiap tindakan individu itu sendiri.
- Oleh itu, setiap individu perlu mempunyai pegangan agama dan jati diri yang tinggi dan kukuh kerana ianya dapat mengawal diri kita daripada terjebak dengan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral atau tidak baik.
- Golongan remaja pula perlu bijak memilih rakan sebaya bagi mewujudkan suasana pergaulan yang baik lantas mendorong mereka melakukan pelbagai aktiviti yang positif dan berfaedah.

KESIMPULAN

- Setiap anggota masyarakat hendaklah menjalankan **tanggungjawab** dan **memainkan peranan masing-masing** bagi mengekang gejala tersebut daripada terus berlaku.
- Setiap anggota masyarakat **perlu lebih prihatin** dan **bekerjasama** menggunakan apa-apa cara dan kaedah sekalipun bagi memastikan masyarakat kita sifar daripada sebarang gejala keruntuhan sosial yang telah kita bincangkan di atas.

PERANAN IBU BAPA


- Ibu bapa seharusnya meluangkan lebih banyak masa dan memberi perhatian bersama anak-anak mereka.
- Mereka hendaklah sentiasa memantau pergerakan dan aktiviti harian anak-anak khususnya dari segi pergaulan.
- Didikan agama dan nilai-nilai yang baik juga perlu ditekankan kepada anak-anak.

Ibu bapa juga perlu mengawal penggunaan telefon bimbit dan memantau aktiviti melayari internet anak masing-masing.

Mereka perlu memastikan anak-anak tidak mengikuti laman web lucu atau melayari perkara-perkara yang tidak wajar dan tidak sesuai dengan budaya masyarakat kita.

Hanya langkah-langkah di ataslah yang mampu membendung gejala keruntuhan moral daripada terus menerus berlaku dalam kalangan masyarakat kita.

Terhadap Islam



1. SEKULARISME

"Sesiapa yang mencari selain dari Islam sebagai Deen (cara hidup), maka sama sekali tidak diterima daripadanya dan dia di akhirat kelak terdiri daripada golongan orang yang rugi." (Surah Ali-Imran: 85)

Golongan yang menolak sistem Islam bererti menolak al-Quran dan menggantikan dengan fahaman-fahaman yang lain. Mereka telah diselaputi dengan kegelapan dan kejahilan terhadap hakikat Islam yang sebenar.

Keyakinan mereka terhadap fahaman seperti sekularisme, pluralisme, liberalisme, ajaran sesat dan sebagainya membawa kepada kesesatan.

Definisi Sekularisme

Sekularisme berasal dari Bahasa Latin yang bermaksud satu zaman atau generasi yang merujuk kepada masa dan tempat. "Secularist" pula bermaksud hubungan dengan sesuatu masa tertentu (Ghazali Darussalam, 1998).

Sekular dalam Bahasa Arab diterjemahkan sebagai 'al-la Diniyyah' (tanpa agama) atau 'al-Dunyaniyah' (keduniaan). Maksud yang lebih khusus ialah perkara yang tiada kaitan dengan agama ataupun perkara yang hubungannya dengan agama adalah berlawanan (Al-Qaradhawi, 1999).

Fahaman yang menghapuskan kepercayaan kepada Tuhan iaitu satu fahaman yang memisahkan antara urusan agama dan kehidupan dunia seperti politik, pentadbiran, ekonomi, pendidikan dan sebagainya.

Kesan Terhadap Fahaman Sekularisme

Melemahkan keimanan, menggoayangkan akidah umat Islam, menimbulkan keraguan terhadap nabi dan rasul yang dipilih oleh Allah, mengurangkan keyakinan terhadap kekuasaan Allah, malaikat, hari kiamat, qada' dan qadar serta tidak mempercayai al-Quran.

Aspek Sosial

Masalah keruntuhan akhlak seperti aktiviti penagihan dadah, arak, lesbian, homoseks, gangsterisme dan sebagainya.

Kesan Terhadap Aspek Ekonomi

Wujud sistem ekonomi baru seperti kapitalis, sosialis dan sebagainya. Bermatlamatkan kekayaan dan material semata-mata contohnya riba.

Kesan Terhadap Aspek Pendidikan

Pendidikan yang mementingkan hal-hal dunia tanpa mengira kepentingan jiwa dan iman yang diperlukan bagi membentuk akhlak dan moral dan teori-teori barat mempengaruhi sistem pendidikan.

2. PLURALISME

DEFINISI

Pluralisme sebagai keadaan masyarakat yang terdiri daripada beberapa kaum, kebudayaan dan kepercayaan agama (Kamus Dewan, 2010).

Fahaman ini mendakwa kesemua agama adalah sama baik dan sama benar. Semua agama adalah sama kerana setiap kebenaran ada hubung kaitnya.

Pluralisme merupakan konsep yang luas tentang penerimaan agama yang pelbagai dan merujuk kepada keadaan hidup bersama secara harmoni di antara penganut agama yang berbeza.

KESAN FAHAMAN PLURALISME

Individu

Akidah mulai berubah sedikit demi sedikit, akhlak mulai runtuh sedikit demi sedikit dan boleh mengakibatkan murtad atau keluar daripada Islam.

Keluarga

Meruntuhkan institusi kekeluargaan kerana anak-anak akan mudah terpengaruh dengan fahaman dan budaya luar yang dibawa masuk oleh golongan pluralisme. Budaya luar yang dimaksudkan berunsurkan hedonistik. Hedonistik ialah sebagai satu perilaku 'sub-budaya' yang negatif dan bertentangan dengan adat ketimuran serta yang diajar dalam agama (Sidek Baba, 2006).

Masyarakat

Memecahbelahkan kaum masyarakat kerana berlaku krisis pergaduhan dan perbalahan antara masyarakat yang berpegang teguh dengan agama Islam dan masyarakat yang berfahaman pluralisme.

ALASAN ISLAM MENOLAK PLURALISME

1) Islam menolak fahaman pluralisme yang mendakwa bahawa kesemua agama adalah sama baik dan sama benar.

2) Hanya ada satu agama yang memiliki wahyu yang lengkap dan sempurna iaitu Islam.

3) Islam melarang sikap yang menjadikan agama sebagai bahan ejekan dan bahan permainan.

4) Isu-isu antara penganut agama perlu diselesaikan dengan seadil-adilnya, secara saksama.

5) Para penganut pelbagai agama harus digalakkan berlumba-lumba dalam melaksanakan kebaikan, contohnya dalam bentuk membela golongan fakir-miskin dan golongan yang memerlukan, menyuruh yang makruf, dan mencegah yang mungkar, sama ada kepada rakyat biasa ataupun kepada pemimpin, dengan kaedah yang wajar, sopan, jujur dan tulus.



3. LIBERALISME



DEFINISI LIBERALISME

Perkataan Liberal berasal daripada perkataan Latin liber yang bermaksud bebas atau bukan hamba. Merujuk Kamus Dewan (2010), liberal bermaksud bersifat atau berpandangan bebas, berpandangan terbuka (tidak terbatas kepada suatu aliran pemikiran sahaja).

Perkataan liberal banyak dikaitkan dengan perkataan Inggeris liberty dan konsep kebebasan. Maksud perkataan liberal mungkin berubah mengikut konteks sesebuah negara.

CIRI-CIRI LIBERALISME

- Mengandungi fahaman-fahaman yang menyeleweng dari aspek akidah dan syariah.
- Berpegang kepada konsep pluralisme agama iaitu semua agama adalah baik dan benar.
- Mendakwa akal manusia adalah wahyu.
- Mempersoalkan metodologi pentafsiran al-Quran dan al-Hadis.
- (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 74 pada 25 – 27 Julai 2006)

KESAN LIBERALISME

1. Membenarkan Murtad Atau Pertukaran Agama

Tafsiran kebebasan agama yang diperjuangkan oleh pejuang fahaman ini adalah mengikut tafsiran sepertimana yang dimanifestasikan dalam Artikel 18 Deklarasi Hak Asasi Sejagat 1948 (Universal Declarations of Human Rights, 1948) yang antara lain memperuntukkan bahawa '*Everyone has the right to freedom of thought, conscience and religion; this right includes freedom to change his religion or belief,*' maksudnya, "Setiap orang mempunyai hak untuk kebebasan berfikir, bersuara dan beragama, hak ini termasuk kebebasan untuk menukar agamanya atau kepercayaannya."

2. Meletakkan Agama Islam Seiring Dengan Kedudukan Agama Lain

Agama akan menjadi sesuatu yang boleh dipermain-mainkan, setiap individu berhak untuk masuk atau keluar daripada agama sesuka hatinya serta kewujudan agama baru yang mengajak manusia supaya tidak beragama sekalus akan menggugat kedudukan Islam sebagai agama rasmi di Malaysia.

3. Mempertikaikan Hukum Syariah Dan Autoriti Fatwa

Memperjuangkan kebebasan golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) secara terbuka dan mempertikaikan fatwa-fatwa yang dikatakan mengongkong kebebasan hak asasi manusia dan masyarakat majmuk seperti fatwa Valentine's Day, Islam liberal, doa bersama bukan Islam dan lain-lain.

4. Mengubah Islam Menjadi Agama Kepercayaan Semata-Mata

Contohnya mempercayai ibadah solat, puasa, zakat dan haji hanya mementingkan pengakuan hati dan lidah sedangkan ibadah meliputi pelbagai amalan zahir yang menjadi lambang ketundukan, kehinaan dan ketaatan manusia sebagai hamba Allah SWT.

5. Mengubah Persepsi Umat Islam Terhadap Dosa Dan Azab Neraka

Liberalisme agama cuba menjadikan iman itu tidak akan sekali-kali tergugat dengan dosa dan maksiat yang dilakukan oleh anggota badan. Fahaman ini adalah amat bertentangan dengan nas-nas al-Quran dan hadis berkenaan dosa dan maksiat.

4. AJARAN SESAT

FAKTOR AJARAN SESAT

- ① Terdapat individu yang mempunyai kepentingan diri seperti untuk mendapatkan kedudukan, harta dan sebagainya.
- ② Terdapat golongan yang ingin melemahkan ajaran Islam dengan memesongkan akidah orang Islam.

DEFINISI AJARAN SESAT

- Ajaran sesat ialah ajaran atau amalan yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan pada hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah.
- Menurut Kamus Dewan (2010), ajaran ditakrifkan sebagai segala perkara yang diajarkan, nasihat, petunjuk, teori dan mazhab. Manakala ‘sesat’ pula ditakrifkan sebagai tidak mengikuti jalan yang betul dan menyimpang daripada jalan yang benar.
- Ajaran sesat ditakrifkan oleh Bahagian Akidah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai sebarang ajaran ataupun amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam ataupun bukan Islam yang mendakwa ajaran dan amalan itu berdasarkan ajaran Islam.

CIRI-CIRI AJARAN SESAT

- Mencemarkan kesucian al-Quran dan hadis seperti menghapus, mengubah, mempertikai atau membuat tafsiran menyeleweng terhadap al-Quran dan hadis.
- Mengubah prinsip-prinsip asas dalam akidah Islam seperti mendakwa menyatukan semua agama termasuk Islam ke dalam agama baru atau mendakwa semua agama adalah sama.
- Mendewa-dewakan pemimpin sehingga menganggapnya bersifat maksum (sempurna), sebagai Imam Mahdi, sebagai nabi, sebagai tuhan atau jelmaan tuhan.
- Menolak perkara yang jelas dalam Islam seperti menghapuskan jihad.
- Mengubah bentuk-bentuk ibadat seperti mengurangkan ibadat puasa kepada 19 hari dan bersolat hanya dengan niat.
- Mengubah konsep dosa dan pahala seperti memberi kuasa penbusan dosa kepada seseorang.
- Mendakwa boleh melakukan perkara-perkara pelik yang bersangkutan dengan perkara-perkara ghaib seperti memanggil roh orang mati termasuk roh para nabi, wali dan malaikat.
- Mendewa-dewakan sesuatu selain Allah SWT seperti menyeru nama orang-orang yang telah meninggal dunia di dalam doa atau jampi dan sebagaimana yang dilakukan oleh dukun-dukun yang mengamalkan ilmu hitam.
- Menolak hadis secara umum seperti golongan anti hadis.

Senaraikan ajaran sesat yang diwartakan oleh JAKIM?



Kesan-Kesan

Ajaran Sesat

Ancaman Terhadap Keselamatan Negara

Perpaduan dan keharmonian masyarakat akan terancam serta akan menyebabkan negara tidak stabil. Kestabilan politik dan ekonomi negara akan tergugat dan turut membawa kepada pergaduhan dalam masyarakat.

Senarai di atas adalah antara kesan-sesan dari ajaran sesat. Apakah kesan-sesan lain dari fahaman ajaran sesat?

Terdedah Kepada Perkara Syirik, Kufur dan Murtad

Menjerumuskan seseorang itu ke dalam perkara syirik seterusnya kufur dan akhirnya membawa kepada murtad kerana cenderung melaksanakan ajaran atau amalan yang menyalahi Islam atau amalan-amalan yang diwartakan sesat oleh pihak berkuasa agama.

Perpecahan Dalam Keluarga dan Masyarakat

Timbul rasa curiga sesama ahli keluarga disebabkan akidah dan kepercayaan serta runtuhnya institusi kemasyarakatan disebabkan rasa curiga ini. Perbalahan dan pergaduhan sesama ahli keluarga dan masyarakat akan membawa kepada kehidupan berpuak-puak sehingga memecahbelahkan keluarga, bangsa dan agama.



5. RADIKALISME & EKSTREMISME

Definisi radikalisme & ekstremisme

Kamus Dewan (2010) mendefinisikan radikalisme sebagai satu fahaman atau kepercayaan yang menginginkan perubahan mendadak di dalam aliran politik atau sosial. Manakala ekstremisme pula bermaksud sikap atau perlakuan yang menjadi ancaman di dalam agama.

Sebahagian ulama' menyebut dengan perkataan tatarruf yang bermaksud pada zaman kita yang menunjukkan beberapa keadaan sama ada politik, agama, mazhab dan susur galur keturunan (Zulkifli, 2015).

Kumpulan atau kefahaman yang ekstrem ini atau lebih dikenali sebagai golongan yang keterlaluan atau melampaui (ghuluw) di dalam memahami atau mengambil sesuatu tindakan. Oleh itu, ghuluw dalam beragama adalah sikap melampaui batas-batas dalam perintah agama. Hal itu dilakukan dengan cara menambah dengan sikap yang berlebihan sehingga mengeluarkannya dari apa yang diinginkan undang-undang Islam.

Sifat dan Ciri-Ciri Pelampau

- ✓ Cepat bertindak balas
- ✓ Tergopoh gapah
- ✓ Cepat beremosi
- ✓ Cepat mempercayai apa yang didengar
- ✓ Mudah berpuas hati dan mengikut apa yang disuruh



Cara Menangani Radikalisme & Ekstremisme

Al-Quran dan Al-Sunnah

Menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber rujukan utama dalam mengenal pasti sesuatu hukum, pendapat dan ijtihad.

Menuntut Ilmu

Sentiasa mencari, mendalami, menelaah dan mengkaji sebanyak mungkin cabang ilmu terutamanya ilmu agama.



Sikap Toleransi

Sentiasa bertoleransi dan hormat menghormati terhadap agama lain dapat mengelakkan salah faham terhadap kepercayaan masing-masing.

Ibu bapa

Peranan ibu bapa dalam memberi didikan agama yang sempurna di samping memberi penjelasan dan pendedahan terhadap ilmu agama kepada anak-anak dalam mengurangi atau mengelakkan hal ini berlaku dalam masyarakat.

Rujukan

1. Ahmad Kamal Wong. (2003). *Kunci Ibadah: Panduan Ilmu Tauhid, Fiqah, Tasawuf & Akhlak*. Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa.
2. Ahmad Mohd Salleh & Mohd Farid Hafidz Ahmad. (2008). *Islam Agama Rabbani: Dasar Pendidikan Islam Teras*. Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar.
3. Dato' Ismail Kamus & Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid. (2009). *Indahnya Hidup Bersyariat: Modul Fardhu Ain Diri, Keluarga dan Masyarakat Sepanjang Hayat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
4. Fathiyah Mohd Fakhruddin. *Tasawwur Islam: Penghayatan dalam kehidupan*.
5. Firdaus Khalil Al-Bakri Al-Azizi, *Keruntuhan Moral Dan Gejala Sosial Dalam Kalangan Remaja Dan Cara Mengatasinya*. (2013) Renungan, Sosial Kemasyarakatan.
6. Ghazali Darussalam. (1998). *Dakwah Islam dan ideologi Barat: Ancaman postmodernisme terhadap umat Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Dist.
7. <https://anyflip.com/cqxs/egno/basic>
8. <https://cintasakinahjaipk.perak.my/artikel/MAHAR.pdf>
9. http://eprints.utm.my/6511/1/HashimBedu2008_KeruntuhanAkhlakGejalaSosialKeluarga.pdf
10. <http://fsu.kuis.edu.my/images/krc/buletin/artikel-krc-jan-2019.pdf>
11. <http://kelantan.jksm.gov.my/jksn/index.php/pustaka-media/perkahwinan>
12. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4674-irsyad-al-fatwa-siri-ke-550-hukum-melamar-wanita-secara-terbuka-di-depan-khalayak-ramai>
13. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2075-irsyad-al-fatwa-ke-163-hukum-menyembunyikan-pertunangan>
14. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4104-al-kafi-1573-kedudukan-wali-dalam- Dr. Haron Din, Manusia dan Islam, Jilid 2>
15. <http://www.solusi.com.my/article/hikmah-perkahwinan> <https://tzkrh.com/20166138/>
16. <https://www.merdeka.com/quran/an-nur/ayat-31>
17. <http://readysaya.blogspot.my/2011/12/keruntuhan-moral.html>
18. Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-580: Hukum Normalisasi Dosa. Capaian daripada <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4836-irsyad-al-fatwa-siri-ke-580-hukum-normalisasi-dosa>
19. Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
20. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). (2015). Ajaran sesat: merungkai kekusutan & kecelaruan. Diperolehi pada 11 September daripada <https://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/AJARAN-SESAT-MERUNGKAI-KEKUSUTAN-DAN-KECELARUAN.pdf>
21. Maududi S.A. (1976). *Asas-asas Islam*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
22. Mohamad Fadzil Awang. (2006). Isu murtad (pluralism, liberalisme, sekularisme). Diperolehi pada 5 September 2023 daripada https://www.academia.edu/18138457/Isu_Murtad_pluralisme Liberalisme_sekularisme.html

23. Mohd Sulaiman Yasin. (1988). *Pengantar Akidah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
24. Muhammad al-Ghazali. (1997). *Aqidah Muslim*. Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.
25. Mustaffa Al Khind, Mustaffa Al Bugho & Ali As Syarbaji. (2006). *Fiqh Al-Manhaji* (Terjemahan) Ridzuan Hashim. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
26. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 74 pada 25–27 Julai 2006. Diperolehi pada 4 September 2023 daripada <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/16319>
27. Sapora Sipon. Gejala Sosial Di kalangan Pelajar Dan Keperluan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling.
28. Sidek Baba. (2006). *Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Shah Alam, Selangor: Karya Bestari.
29. Sulaiman Endut. (2007). *Asas-asas Fardu Ain*. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid Sdn. Bhd.
30. Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri. (2015). Bayan Linnas Siri Ke-203: Bahaya Serangan Pemikiran. Diperolehi pada 11 Sepetember 2023 daripada <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/3613-bayan-linnas-siri-ke-203-bahaya-serangan-pemikiran>

e ISBN 978-629-7514-46-8



A standard linear barcode representing the ISBN number 978-629-7514-46-8.

9 786297 514468